



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***KELESTARIAN BAHASA JAHAI
DARI SUDUT SOSIOLINGUISTIK***

MUNA AFIFAH BINTI MOHD ZULKEPLI

FBMK 2018 40



KELESTARIAN BAHASA JAHAI DARI SUDUT SOSIOLINGUISTIK

Oleh

MUNA AFIFAH BINTI MOHD ZULKEPLI

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti
Putra Malaysia sebagai Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Doktor
Falsafah**

November 2017



Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Dedikasi

*Kutitipkan khas buat yang amat menyayangi dan tidak
putus-putus mendoakan diri ini*

.... bonda tercinta Hajah Siti Armah binti Haji Bakar

... Ayahanda tersayang Haji Mohd Zulkepli bin Haji Awang

Yang amat dikasihi dan tidak jemu memberi semangat

... Suami yang dicintai Muhd Hafizuddin bin Mohd Nawawi

Yang sentiasa menjadi pembakar semangat

... Anak Mama,

Danish Naufal bin Muhd Hafizuddin,

*Adik-beradik yang sentiasa bersabar dan memahami diri
ini*

*Abdul Hadi
Abdul Hakeem
Wafiah Zawani
Amal Addin
Annisa Soleha
Izzul Islam
Ezzat Aiman
Syahmi Amilin
Wazien Wajdi
Marissa Marwa
Muhammad Zameer*

**Muna Afifah Mohd Zulkepli
Universiti Putra Malaysia**

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah.

KELESTARIAN BAHASA JAHAI DARI SUDUT SOSIOLINGUISTIK

Oleh

MUNA AFIFAH BINTI MOHD ZULKEPLI

November 2017

Pengerusi : Profesor Madya Mohd Sharifudin bin Yusop, PhD
Fakulti: Bahasa Moden dan Komunikasi

Bahasa sering kali dikaitkan dengan jiwa sesuatu bangsa sehingga terungkap slogan “Bahasa Jiwa Bangsa”. Maka kajian mengenai pelestarian bahasa suku minoriti orang Asli di Malaysia yang berfokuskan kepada bahasa Jahai di Rancangan Penempatan Semula (RPS) Sungai Rual merupakan suatu kajian yang serius serta harus diteliti segera dalam usaha untuk mengekalkan jiwa bangsa suku Jahai supaya tidak lapuk ditelan zaman. Tidak dapat dinafikan proses pembangunan di kawasan penempatan suku Jahai juga telah mempengaruhi penutur Jahai. Sikap kaum Jahai yang mempunyai pilihan dalam berbahasa selain bahasa Jahai juga dikenal pasti sebagai elemen penghakisan bahasa Jahai dalam kalangan penutur Jahai. Selain itu, bahasa pribumi lain serta bahasa lain juga turut mempengaruhi dan dikenal pasti sebagai faktor penyangkutan ke arah mempercepat berlakunya perubahan dari aspek ciri leksikal bahasa ini. Situasi dan kondisi inilah yang menarik minat pengkaji untuk membuat kajian menggunakan pendekatan sosiolinguistik bersandarkan kepada Analisis Linguistik Struktural, Teori Domain Fishman (1972) dan Teori Tipologi Keterancaman Bahasa Edward dan Sasse (1992) untuk menjawab dan menghuraikan tiga objektif kajian dalam penyelidikan ini, iaitu mencerakinkan ciri leksikal, menganalisis penggunaan bahasa dan merumuskan pengaruh dasar-dasar sosial terhadap bahasa Jahai. Kajian ini menggunakan 92 sampel daripada 1086 populasi penutur natif bahasa Jahai yang terdiri daripada empat peringkat generasi iaitu tua, dewasa, remaja dan kanak-kanak di empat buah kampung yang terdapat di Sungai Rual iaitu Kampung Manok, Kampung Sungai Rual, Kampung Seberang dan Kampung Kalok.

Hasil kajian ini merumuskan bahawa bahasa Jahai kaya dengan kosa katanya yang tersendiri. Penelitian yang dibuat terhadap sikap pemilihan bahasa dalam kalangan masyarakat Jahai juga tidak konsisten dalam lapang domain yang dikaji. Namun demikian, semangat mempertahankan dan melestarikan bahasa ini terus kukuh dalam diri mereka berlandaskan ikatan kekeluargaan, kejiwaan dan kemasyarakatan. Sikap positif yang terdapat dalam diri suku Jahai serta persekitaran alam yang lestari berjaya membendung serta

mengelak rasa rendah diri dan rasa terpinggir terhadap bahasa mereka walaupun mereka termasuk dalam kelompok penutur bahasa yang minoriti. Pola penempatan berkelompok serta kejiranan mesra Jahai dalam RPS yang disediakan oleh pihak kerajaan telah menjadikan bahasa mereka tetap utuh walaupun ada resapan asimilasi dalam bahasa Jahai. Berdasarkan huraian tipologi keterancaman bahasa pula, bahasa ini berada dalam tahap bertahan berdasarkan 10 angkubah dalam model tipologi bahasa Edward dan Sasse (1992) dengan peratusan perkahwinan campur dalam kalangan mereka yang bukan berasal daripada suku Jahai iaitu sebanyak 7% keturunan ibu dan 1.1% keturunan bapa. Walaupun peratusan ini kelihatan kecil berdasarkan situasi sekarang, namun dikhuatiri peratusan ini akan meningkat dari semasa ke semasa memandangkan orang Asli Jahai sudah mula menerima perkahwinan campur dalam masyarakat mereka. Manakala, bagi angkubah kebolehan berbahasa pula, kajian mendapati secara keseluruhannya terdapat 3% responden kurang fasih, tidak fasih dan tidak tahu berbahasa Jahai. Sebagai rumusan, dengan adanya dapatan dari aspek ciri leksikal, penggunaan bahasa dan pengaruh dasar-dasar sosial terhadap bahasa Jahai ini, maka perancangan bahasa Jahai agar kehidupan futuristik suku Jahai tetap mekar dan utuh menuturkan bahasa Jahai sebagai bahasa jiwa bangsa. Khazanah bahasa ini mesti terus dipertahankan supaya tidak pupus dan terus menjadi komunikasi suku Jahai.

Abstract of thesis presented to Senate of University Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy.

**THE PRESERVATION OF JAHAI LANGUAGE
IN SOSIOLINGUISTIC PERSPECTIVE**

By

MUNA AFIFAH BINTI MOHD ZULKEPLI


November 2017

Chairman : Profesor Madya Mohd Sharifudin Yusop, PhD
Faculty : Modern Language and Communication

Language is often associated with the soul of a nation, hence the saying "Bahasa Jiwa Bangsa". My research on the conservation of indigenous ethnic minority languages in Malaysia focusing on the Jahai language in the Resettlement Plan (RPS) of Sungai Rual is a serious study and should be scrutinized urgently in order to protect the Jahai language from obsolescence. It can not be denied that the development process in Jahai tribe settlements has also affected the speakers of Jahai language. The attitude of the Jahai people who have a choice in using other languages instead of the Jahai language is also identified as the element of eradication of the Jahai language among the speakers of Jahai. In addition, other indigenous languages and other languages are also identified as contributing factors to accelerate the occurrence of changes in the lexical features of this language. These situations are of interest to researchers using sociolinguistic approaches based on Structural Linguistic Analysis, Fishman Domain Theory (1972) and Edward and Sasse's (1992) Theory of Typology of Language Impairment to answer and elaborate three research objectives in this research, which are convincing lexical features, analyzing language use and formulating the impact of social policies on Jahai language. This study uses 92 samples from 1086 native speakers of Jahai language which consists of four generations of elderlies, adults, adolescents and children located in four

villages in Sungai Rual, Kampung Manok, Kampung Sungai Rual, Kampung Seberang and Kampung Kalok.

The results of this study conclude that the Jahai language is rich in its own vocabulary. Research on the attitude of language selection among the Jahai community was also inconsistent in the eight domains studied. Nevertheless, the spirit of maintaining and preserving the language is strong in themselves based on family, neighborhood and social ties. Positive attitudes in the Jahai tribe as well as the sustainable nature of the environment have managed to stave off and prevent feelings of language inferiority and marginalization even if they belong to a minority group of speakers. Clustering patterns as well as Jahai-friendly neighborhoods in RPS provided by the government have made their language intact regardless of assimilation and diffusion in the Jahai language. Based on the typology of language defamation, the language is in the defensive stage based on the 10 variables in the Edward and Sasse's (1992) model of language typology with the percentage of marriages among those who are not from the Jahai tribe. Although these percentages appear to be small under current circumstances, this percentage is feared to increase over time as Orang Asli Jahai has begun to receive mixed marriages in their community. In terms of language ability variables, the study found that there were 3% of the respondents were less fluent, not fluent and did not know the Jahai language. To conclude, the findings of the lexical features, the use of language and the influence of social bases on this Jahai language, proves essential and useful for the purpose of preservation, coding and designing the Jahai language for the futuristic life of the Jahai tribe in order for it to blossom and the Jahai tribe remain using the Jahai language as their "soul language". This treasure of a language must be maintained so as not to be threatened into extinction and continue to be the language of the Jahai tribe.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah dan bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya, tesis ini dapat disempurnakan bagi memperoleh Ijazah Doktor Falsafah di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan kepada Prof. Madya Dr. Mohd Sharifudin Yusop (selaku pengerusi Jawatan Kuasa Penyeliaan), Dr. Norazlina Mohd Kiram dan Prof. Madya Dr. Raja Masittah Raja Ariffin (selaku AJK Penyeliaan tesis) yang telah banyak melapangkan masa untuk memberi tunjuk ajar, bimbingan, garis panduan dan teguran dalam usaha membantu saya menyempurnakan kajian tesis yang telah diamanahkan. Hanya Allah sahaja yang dapat membalas jasa dan budi yang dicurahkan selama ini.

Sejuta ucapan terima kasih buat ayah, umi, suami dan adik-adik yang banyak memberi galakan, dorongan, bantuan moral dan kewangan kepada saya bagi menyelesaikan tesis ini. Ucapan terima kasih tidak terhingga juga ditujukan kepada pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Malaysia kerana telah memberi keizinan kepada saya bagi menjalankan kajian ini. Tidak lupa kepada semua kakitangan JAKOA Daerah Jeli serta individu-individu orang Asli Jahai yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam usaha saya menyiapkan tesis ini. Jasa dan budi kalian akan kukenang hingga akhir hayat. Sekian, Terima Kasih

Nama: Muna Afifah binti Mohd Zulkepli
No Tel: 016-8015218
Email: munafifah_83@yahoo.com



Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 22 November 2017 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Muna Afifah binti Mohd Zulkepli bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Kelestarian Bahasa Jahai dari Sudut Sociolinguistik” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Doktor Falsafah.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Adi Yasran bin Abdul Aziz , PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Che Ibrahim bin Salleh, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Ahmad Mahmood bin Musanif, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Mohammad Fadzeli Jaafar, PhD

Profesor Madya
Universiti Kebangsaan Malaysia
Malaysia
(Pemeriksa Luar)

NOR AINI AB. SHUKOR, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 24 Mei 2018

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Mohd Sharifudin bin Yusop, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Norazlina binti Mohd Kiram, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Raja Masittah binti Raja Ariffin, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan Pelajar Siswazah

Saya memperakui bahawa:

- Tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- Setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- Tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- Hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan kaedah-kaedah

Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbis dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____

Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Muna Afifah binti Mohd Zulkepli, GS37750



Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- Penyelidikan dan penulisan ini adalah di bawah seliaan kami;
- Tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama

Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan: _____

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: _____

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: _____



ISI KANDUNGAN

Halaman

ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv

BAB

1 PENDAHULUAN

1.1	Latar Belakang Kajian	1
1.2	Penyataan Masalah	4
1.3	Objektif Kajian	9
1.4	Kepentingan Kajian	9
1.5	Batasan Kajian	13
1.6	Definisi Operasional	15
1.6.1	Orang Asli	15
1.6.2	Pelestarian Bahasa	16
1.6.3	Kajian Sociolinguistik	17
1.6.4	Keusangan Bahasa	18
1.7	Latar Belakang Masyarakat Orang Asli	20
1.8	Orang Asli Jahai	22
1.8.1	Fizikal	23
1.8.2	Bahasa	24
1.8.3	Agama	24
1.9	Sejarah Kampung Sungai Rual	25
1.10	Sosiobudaya	27
1.10.1	Perlantikan Penghulu	27
1.10.2	Institusi Keluarga	27
1.10.3	Perkahwinan	28
1.10.4	Adat Resam	29
1.10.4.1	Masuk Kampung	29
1.10.4.2	Pergi ke Sungai	
1.10.4.3	Menegur ketika Mencari Rezeki	
1.10.4.4	Isteri yang mengandung	29
1.10.4.5	Menantu dan Mertua	
1.10.4.6	Bertandang ke rumah	
1.10.4.7	Berjanji	

2 SOROTAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	31
2.2	Kajian Berkaitan	33

3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	47
3.2	Reka Bentuk Kajian	49

3.3	Kerangka Teori	52
3.3.1	Linguistik Struktural	51
3.3.2	Leksikostatistik	54
3.3.3	Teori Domain (Mandala) Fishman (1972)	55
3.3.4	Teori Tipologi Keterancaman Bahasa	57
3.3.4.1	Kerangka Teori John Edward (1992)	
3.3.4.2	Model Sasse (1992)	
3.4	Kerangka Konseptual Kajian	62
3.5	Kaedah Pengumpulan Data	63
3.5.1	Pemerhatian	
3.5.2	Temu bual	65
3.6	Lokasi Kajian	66
3.7	Populasi dan Pensampelan Kajian	67
3.8	Pendekatan Kajian	68
3.9	Pemboleh Ubah Kajian	68
3.9.1	Pemboleh Ubah Bersandar	69
3.9.2	Pemboleh Ubah Bebas	69
3.10	Kesahan dan Kebolehpercayaan Kajian	69
3.11	Instrumen Kajian	70
3.11.1	Soal Selidik	70
3.11.2	Audio Visual	72
3.11.3	Teknik Lafaz	73
3.11.4	Teknik Bercerita	73
3.12	Tatacara Kajian	74
3.12.1	Kajian Rintis	74
3.12.2	Kajian Sebenar	75
3.13	Kaedah Analisis Data	75
3.13.1	Kuantitatif	75
3.13.2	Kualitatif	77
3.14	Pertimbangan Etika	77
4	KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN	
4.1	Pengenalan	79
4.2	Analisis Leksikal	80
4.2.1	Sapaan Kekeluargaan	81
4.2.2	Anggota Badan	82
4.2.3	Peralatan Rumah Tangga dan Dapur	83
4.2.4	Sikap dan Perasaan	84
4.2.5	Alam Flora	85
4.2.6	Alam Fauna	86
4.2.7	Bahagian Rumah	87
4.3	Sikap Terhadap Pemilihan Bahasa Jahai	87
4.3.1	Domain Kekeluargaan	90

4.3.2	Domain Kejiranan	95	
4.3.3	Domain Kemasyarakatan	96	
4.3.4	Domain Keagamaan		99
4.3.5	Domain Kendiri		101
4.3.6	Domain Pendidikan	103	
4.3.7	Domain Perkhidmatan		105
4.3.8	Domain Jual Beli	107	
4.4	Ciri Tipologi Keterancaman Bahasa Jahai		109
4.4.1	Jantina		112
4.4.2	Status	113	
4.4.3	Keturunan Ibu Bapa		115
4.4.4	Peringkat Umur		116
	4.4.5 Tempat Lahir		
119			
	4.4.6 Tempat Tinggal		119
	4.4.7 Pendidikan	120	
	4.4.8 Pekerjaan	121	
	4.4.9 Kebolehan Berbahasa		122
4.5	Implikasi Dapatan Kajian	124	
5	RUMUSAN DAN CADANGAN		
5.1	Rumusan	127	
5.1.1	Ciri Linguistik Bahasa Jahai		127
5.1.2	Sikap Pemilihan Bahasa Jahai		128
5.1.3	Pelestarian dan Daya Tahan Bahasa Jahai		129
5.2	Usul dan Cadangan	132	
5.2.1	Cadangan Kepada Kerajaan		132
5.2.2	Persatuan Bukan Kerajaan dan Badan Warisan		134
5.2.3	Universiti dan Kolej	134	
5.2.4	Cadangan Penyelidikan Lanjutan		135
	BIBLIOGRAFI	137	
	LAMPIRAN	148	
	BIODATA PELAJAR		162

SENARAI JADUAL

**Jadual
Halaman**

1.1	Pecahan Penduduk Orang Asli Mengikut Negeri	
	21	
1.2	Komuniti Penduduk Suku Asli Jahai Mengikut Negeri	22
3.1	Kerangka Model Kajian Mandala Berasaskan Teori Domain Fishman (1972)	56
3.2	Kerangka Tipologi Bahasa Minoriti Edward (1992)	58
3.3	Model Teoritik Kematian Bahasa Sasse (1992)	
	60	
3.4	Taburan Profil Sampel Kajian Mengikut Peringkat Usia	
	68	
4.1	Leksikal Kata Sapaan Kekeluargaan dalam Bahasa Jahai	
	81	
4.2	Leksikal Anggota Tubuh Badan dalam bahasa Jahai	
	82	
4.3	Leksikal Peralatan Rumah Tangga dan Dapur dalam bahasa Jahai	
	83	
4.4	Leksikal Perlakuan Perasaan dalam bahasa Jahai	
	84	
4.5	Leksikal Alam Flora dalam bahasa Jahai	
	85	
4.6	Leksikal Alam Fauna dalam bahasa Jahai	86
4.7	Leksikal Peralatan dan Bahagian dalam Rumah dalam bahasa Jahai	
	87	
4.8	Pengelasan Ciri Demografi Responden	89
4.9	Pemilihan Bahasa Jahai dalam Domain Kekeluargaan	
	91	
4.10	Pemilihan Bahasa Domain Kejiranan Suku Jahai	
	95	
4.11	Pemilihan Bahasa Domain Kemasyarakatan Suku Jahai	
	97	
4.12	Pemilihan Bahasa dalam Domain Keagamaan Suku Jahai	99
4.13	Pemilihan Bahasa Domain Kendiri Suku Jahai	101
4.14	Pemilihan Bahasa Domain Pendidikan Suku Jahai	104
4.15	Pemilihan Bahasa Domain Perkhidmatan Suku Jahai	
	106	
4.16	Pemilihan Bahasa Domain Jual Beli Suku Jahai	107
4.17	Maklumat Demografi Suku Jahai	111
4.18	Taburan Jantina Responden Suku Jahai	112
4.19	Taburan Status Responden Suku Jahai	114
4.20	Taburan Perkahwinan Campur Suku Jahai	114
4.21	Taburan Keturunan Ibu Bapa Responden Suku Jahai	115
4.22	Taburan Umur Responden Suku Jahai	116
4.23	Taburan Tempat Lahir Responden	119
4.24	Taburan Tempat Tinggal Suku Jahai	120
4.25	Taburan Taraf Pendidikan Suku Jahai	120
4.26	Taburan Pekerjaan Responden Suku Jahai	121
4.27	Kebolehan Berbahasa Responden Suku Jahai	123

SENARAI RAJAH

Rajah	Halaman
1.1 Peta Negeri Kelantan	14
1.2 Kawasan Penempatan Orang Asli Negrito	14
3.2 Kerangka Konseptual Kajian	63

SENARAI SINGKATAN



KCP	Kahwin Campur
TMR	Temiar
BTQ	Bateq
MDQ	Mendriq
THD	Thailand
RPS	Rancangan Penempatan Semula
BM	Bahasa Melayu
BJ	Bahasa Jahai
BL	Bahasa Lain
BIL	Bilangan
%	Peratus

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Bahasa merupakan elemen penting dalam kehidupan manusia. Setiap individu memerlukan bahasa untuk berkomunikasi antara satu sama lain bagi memenuhi keperluan hidup. Selain memainkan fungsi sebagai wahana komunikasi, bahasa juga berperanan untuk mencirikan identiti sesuatu bangsa. Menurut Zulkifley Ahmad (2007), bahasa merupakan alat yang digunakan oleh sesebuah komuniti sesama mereka untuk menyampaikan dan menerima maklumat. Oleh itu, bahasa merupakan cerminan akal budi atau pemikiran. Adalah mustahil bagi sesebuah masyarakat untuk berkomunikasi tanpa bahasa.

Kewujudan sesuatu bangsa atau kaum diiringi oleh bahasa yang tertentu. Setiap kaum mempunyai bahasa mereka yang tersendiri. Tanpa bahasa, kaum atau bangsa itu tidak akan lengkap identitinya. Sungguhpun bahasa dilihat sebagai elemen yang penting dalam kehidupan manusia, sesuatu bahasa itu juga tidak dapat lari daripada mengalami ancaman kepupusan. Menurut Asmah Haji Omar (1998), bahasa tidak dapat dipisahkan daripada individu yang menuturkannya. Walaupun kewujudan pertuturan itu merupakan hasil kegiatan seseorang individu, namun bahasa tidak akan wujud dalam sesebuah masyarakat jika bahasa tersebut tidak digunakan oleh sekumpulan individu dalam hubungan sesama mereka. Penjelasan ini menunjukkan bahawa sesuatu bahasa hidup kerana hidupnya manusia dan matinya bahasa juga kerana matinya manusia. Oleh itu, bahasa tidak akan wujud tanpa manusia sebagai penutur dan pengamalnya. Hal ini pasti menyebabkan bahasa tidak lagi mampu bertahan dan bertakat.

Laporan yang dikeluarkan oleh *Summer Institute of Languages* (2010) menyatakan bahawa 7100 bahasa yang diketahui wujud setakat 2010 di dunia, hanya 6150 atau 86.6% yang digunakan oleh penuturnya. Hal ini menjelaskan bahawa sebanyak 950 lagi bahasa tidak memainkan peranannya sebagai alat komunikasi dalam sesebuah komuniti. Dalam laporan itu juga dinyatakan bahawa sejumlah 410 bahasa sedang menghampiri tahap kepupusan apabila hanya mempunyai sejumlah penutur yang telah lanjut usia. Daripada jumlah tersebut juga, 37 bahasa sedang menuju kepupusan di benua Afrika, 161 bahasa di benua Amerika, tujuh bahasa di benua Eropah, 157 bahasa di sekitar Pasifik dan 55 bahasa di benua Asia.

Manakala, menurut laporan daripada *Foundation for Endangered Languages* (2000) pula terdapat 1700 bahasa dunia yang dituturkan oleh kurang daripada 1000 orang, 550 bahasa digunakan oleh kurang daripada 100 orang dan 150 bahasa pula dituturkan oleh kurang daripada 10 orang. Oleh itu, Mohd Sharifudin Yusop (2013), yang membincangkan isu kematian dan kepupusan bahasa ini berpendapat bahawa kematian bahasa merupakan sesuatu yang amat merugikan, bukan sahaja kepada pewaris dan penutur bahasa itu, tetapi juga seluruh umat manusia. Dunia tentu akan kehilangan salah satu wadah pengetahuan tentang keterancaman budaya dan nilai yang didukung oleh sesebuah kelompok masyarakat penutur bahasa tersebut. Selain itu, Fishman (1991) berpandangan bahawa kematian bahasa sesebuah etnik ini turut membawa bersama-sama kerugian dalam aspek budaya, memusnahkan harga diri, menghadkan potensi manusia dan merumitkan usaha untuk menyelesaikan masalah lain, seperti kemiskinan, keruntuhan keluarga, kegagalan persekolahan dan masalah penyalahgunaan dadah.

Tambah beliau lagi, kemusnahan bahasa ini akan membawa kepada kemusnahan akar umbi dan jati diri dalam sesebuah kelompok masyarakat. Oleh itu, Hale (1992) menyimpulkan pandangan Fishman ini dengan mengatakan bahawa kematian bahasa ialah sebahagian daripada kerugian yang bersifat lebih umum yang dialami oleh dunia, serta kehilangan kepelbagaian aspek. Kesan yang lebih teruk daripada keadaan ini akan dialami oleh masyarakat minoriti terpinggir dan yang bergantung kepada ciri budaya untuk terus bersaing dalam arus globalisasi.

Pelestarian bahasa amat penting selaras dengan pandangan Hassan Ahmad (2009) dalam tulisannya yang bertajuk “Bahasa Pupus” yang berpendapat bahawa bahasa merupakan elemen yang penting dalam aspek budaya sesebuah masyarakat. Sekiranya bahasa itu mati, sesebuah bangsa itu pasti akan kehilangan pengetahuan yang khusus tentang budaya tersebut dan keunikannya untuk melihat dunia serta bersalah kepada generasi penutur bahasa itu pada masa akan datang.

Sejajar dengan perkara yang dinyatakan, Malaysia yang terdiri daripada pelbagai etnik yang berbeza latar dan budaya memberikan satu gambaran bahawa bahasa yang dimiliki dan dituturkan dalam sesebuah masyarakat perlu diberikan perhatian yang serius untuk diselidik dan dilestarikan pada masa akan datang. Justeru, Collin (2000) yang mengulas isu ini berpandangan bahawa di Malaysia terdapat antara 60 hingga 80 bahasa yang dituturkan sebagai bahasa pertama oleh pelbagai etnik dan lapisan masyarakat yang bermastautin di negara ini.

Walau bagaimanapun, Asmah Hj. Omar (2008) mengatakan kekusarannya berhubung dengan aspek pelestarian dan pengekodan ini dengan mengatakan bahawa hanya dua bahasa daripada jumlah ini yakni bahasa Melayu dan bahasa Iban yang pernah dikaji dan dihuraikan secara lengkap sehingga berjaya menghasilkan buku tatabahasa Melayu dan tatabahasa Iban yang dilakukan oleh sarjana Malaysia. Sekiranya senario ini tidak ditangani segera, bahasa lain yang tergolong dalam bahasa yang dinyatakan di atas akan berhadapan dengan ancaman kepupusan pada masa akan datang. Seterusnya masalah pelestarian bahasa ini turut disentuh oleh Dalby (2002) apabila memperkatakan dan membincangkan kepupusan bahasa Hawaii dengan menyatakan bahawa, dalam dua abad Hawaii menghampiri ke satu titik sebuah kelenyapan. Hal ini amat membimbangkan, di samping kehilangan kebebasan politik, kehilangan budaya, kehilangan alam semula jadi, serta yang amat penting ialah kehilangan pengetahuan tentang apa yang ada di persekitaran kita yang boleh ditawarkan pada masa akan datang.

Kepupusan sesebuah bahasa ini akan turut memusnahkan budaya serta segala ilmu yang ada dalam sesebuah masyarakat penutur bahasa tersebut. Hal sebeginilah yang amat ditakuti sekiranya perkara sebegini turut melanda bahasa minoriti di Malaysia, terutamanya bahasa orang Asli. Begitu juga pandangan Stokhof (2012) tentang kepupusan bahasa di Malaysia. Beliau berpandangan bahawa bahasa minoriti di Malaysia akan mengalami kepupusan sekiranya usaha ke arah pelestarian yang serius tidak dilakukan dari sekarang kerana kebangkitan dalam bidang sains dan teknologi yang melanda dunia hari ini yang membawa bersama-sama gelombang perubahan minda moden, terutamanya pada generasi belia. Tambah beliau lagi, bahasa boleh terancam jika penuturnya tidak lagi menghormati bahasanya atau tidak menganggap bahasa itu sebagai alat pemersatuan masyarakat, malu atau tidak peduli dengan penggunaan yang betul. Sehubungan dengan itu, Thieberger (1990) dalam mengulas isu ancaman dan kepupusan bahasa ini berpandangan bahawa bahasa merupakan salah satu aset semula jadi dalam sesebuah negara yang mencirikan identiti masyarakat yang diwakili. Oleh sebab itu, kehilangan aset semula jadi khususnya bahasa peribumi merupakan satu kerugian besar kepada negara dan kelompok masyarakat tersebut. Hal ini demikian, kerana demi pelestarian dan negara yang mampan, negara memerlukan semua sumber dan asetnya berada dalam keadaan terkawal dan terpelihara dalam pelbagai bidang sama ada dalam bentuk yang nyata atau rohaniah.

Pandangan ini turut disokong oleh Aziz Deraman (2007) yang berpendapat bahawa memelihara budaya dan bahasa dalam sesebuah etnik terletak pada sejauh mana kekentalan jiwa mereka untuk memelihara dan menyebarkanluaskannya. Walaupun kelangsungan sesuatu bahasa ini terletak pada perancangan bahasa yang sempurna dan teratur, aspek kelangsungannya juga terletak kepada sejauh mana sesuatu bahasa itu digunakan dan diiktiraf

penggunaannya oleh masyarakat penutur bahasa itu. Oleh hal yang demikian, proses merancang dan melestarikan sesuatu bahasa itu perlu dilakukan segera agar masalah keusangan yang membawa kepada kepupusan sesuatu bahasa tidak akan berlaku. Tentang perancangan dan pelestarian bahasa dalam masyarakat, Nik Safiah Karim (1981) berpandangan bahawa perancangan dan pengkodan sesuatu bahasa harus dilakukan untuk memberikan ketahanan kepada bahasa tersebut dalam mengharungi cabaran semasa. Tambah beliau lagi, model yang dibina dalam sesebuah masyarakat tersebut harus dikembangkan dari dalam, iaitu berdasarkan etnik kebahasaan yang mencirikan alam budaya dan pemikiran bangsa dengan meneliti proses sejarah yang telah dilalui.

Situasi seperti ini dapat dikaitkan dengan negara seperti Malaysia yang mempunyai kepelbagaian suku kaum. Keunikan kebudayaan dari Perlis hingga ke Sabah telah mewujudkan kepelbagaian budaya, bahasa dan adat resam. Malaysia terdiri daripada tiga kaum yang utama, iaitu Melayu, Cina dan India. Walau bagaimanapun, masih terdapat pelbagai suku kaum lain yang menjadi sebahagian warga Malaysia. Bentuk masyarakat di Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum disebabkan oleh perubahan masa dan keadaan. Menurut sejarah, sebelum abad ke-18 dan abad ke-19, corak masyarakat di Malaysia tidak seperti sekarang, sebaliknya Semenanjung Tanah Melayu pada masa itu hanya didiami oleh orang Melayu dan orang Asli bersama-sama dengan sebilangan suku kaum yang lain.

1.2 Penyataan Masalah

Menurut David Crystal (2002), setiap dua minggu bahasa orang Asli atau peribumi akan pupus. Keadaan ini menyebabkan 5500 hingga 6000 bahasa yang digunakan sekarang akan bergabung dengan bahasa Latin dan Yunani sebagai bahasa yang mati. Oleh iu, kematian atau kepunahan bahasa merupakan sesuatu yang amat malang berlaku kepada sesuatu bangsa. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa keadaan bahasa masyarakat orang Asli amat membimbangkan. Perubahan kecendekiaan pada akhir abad ke-20 ini memperlihatkan perlunya pengkajian yang lebih mendalam terhadap kelestarian bahasa ini dan perlu diberikan perhatian. David Crystal (2000) mengatakan bahawa bahasa yang berpotensi terancam ialah bahasa yang tidak bernasib baik dari segi sosial dan ekonomi, berada di bawah tekanan hebat daripada bahasa majoriti serta permulaan kehilangan penutur kanak-kanak. Bahasa yang terancam pula adalah apabila hanya sedikit atau tiada kanak-kanak yang belajar bahasa tersebut dan penutur bahasa yang baik daripada golongan muda dan dewasa.

Mohd Sharifudin Yusop (2013) telah menggunakan istilah keusangan bahasa untuk membincangkan kepupusan dan kematian bahasa, khususnya bahasa orang Asli Duano dan Kanaq. Menurut Mohd Sharifudin Yusop (2013), bahasa Duano dan Kanaq merupakan salah satu bahasa minoriti di Malaysia yang tergolong sebagai terancam kerana bilangan penutur adalah kurang daripada 1000 orang. Jika dilihat dari segi jumlah penutur orang Asli ini, tidak mustahil jika suatu hari nanti bahasa sukuan yang minoriti seperti Jahai ini akan pupus.

Justeru, daripada penelitian terhadap kajian lepas, didapati bahawa masih kurang pengkaji yang melakukan kajian kebahasaan berkaitan masyarakat orang Asli khususnya suku Jahai. Apatah lagi jika dilihat kepada aspek pelestarian bahasa, terutamanya aspek leksikal, sikap terhadap pemilihan bahasa dan pengaruh dasar-dasar sosial terhadap bahasa Jahai ini, memang masih tiada kajian seumpama yang dilakukan oleh pengkaji bahasa terdahulu. Jika diperhatikan kajian yang dilakukan oleh pengkaji terdahulu, mereka hanya memfokuskan salah satu aspek sama ada kajian bahasa, sosial, atau budaya, namun tidak ke arah kajian proses pelestarian bahasa orang Asli Jahai. Antaranya ialah kajian fonologi dan leksikal yang dilakukan oleh Zaiton Yazid (1999) dan kajian infrastruktur sosial orang Asli Jahai di Perak oleh Kamal Solhaimi (2016).

Selain itu, bahasa Jahai ini hanya bersifat bahasa lisan serta tidak mempunyai satu sistem tatabahasa yang disusun sebagai rujukan, dokumen dan bahan rujukan berbentuk penulisan yang menggunakan bahasa ini sehingga sekarang. Tambahan pula, pertembungan dalam aspek linguistik dalam kalangan penuturnya juga menjadi cabaran utama untuk bahasa ini terus bertahan pada masa akan datang. Jika hal ini berlaku maka fenomena keterhakisian bahasa terhadap penutur kanak-kanak serta golongan dewasa akan berlaku dan berpanjangan.

Bahasa merupakan wadah paling utama dalam kegiatan manusia. Bahasa ialah sebahagian daripada jati diri bangsa yang dapat mencerminkan budaya sesebuah masyarakat tersebut. Oleh sebab itu, adalah amat malang jika sesuatu bangsa itu kehilangan bahasanya. Situasi ini menyebabkan kita tidak mahu ada kaum atau suku etnik yang kehilangan jati diri mereka, terutamanya dari sudut bahasa etnik mereka sendiri. Bahasa sesuatu etnik atau suku kaum itu sangat penting dalam pembinaan dan pembangunan budaya nasional.

Oleh yang demikian, bahasa etnik merupakan khazanah negara dan bahasa warisan yang seharusnya dipelihara, dituturkan, dikembangkan dan dimartabatkan. Menurut Asmah Hj. Omar (2008), pemeliharaan bahasa (*language maintenance*) ialah gejala yang paling penting dalam pengekalan

kedudukan sesuatu bahasa dalam masyarakat. Jika sesuatu bahasa atau dialek itu terus digunakan oleh masyarakat penuturnya, maka bahasa tersebut akan tetap berkekalan sebagai sistem pertuturan dalam masyarakat bahasa tersebut. Situasi ini juga sama dengan bahasa Jahai. Hal ini demikian kerana tanpa pemeliharaan yang sewajarnya bahasa orang Asli ini akan hilang begitu sahaja.

Bahasa etnik sukar berkembang kecuali dalam lingkungan penduduk yang mendiami kawasan etnik terabit. Bahasa etnik amat kaya dengan hal berkaitan adat resam, kegiatan harian, dan persekitaran. Justeru, apabila bahasa berkenaan mati, maka hal lain yang berkaitan dengan penuturnya juga akan turut mati dan tidak mungkin dapat dikembalikan. Oleh itu, hal ini memerlukan pendokumentasian. Menjadi perkara yang malang sekiranya hal kematian bahasa akan menimpa ratusan bahasa etnik Orang Asli dan peribumi di Sabah dan Sarawak dan ini turut melibatkan bahasa sukuan orang Asli yang minoriti seperti suku Jahai.

Mohd Sharifudin Yusop (2013), menjelaskan bahawa set angkubah lain yang dapat dilihat ketika proses kematian bahasa secara beransur-ansur ialah gejala perubahan struktur bahasa. Aspek bahasa yang akan hilang lebih dahulu ialah leksikon. Hal ini berlaku apabila penutur minoriti membuang terus kosa kata bahasa asalnya ataupun kosa kata itu sendiri mengalami proses perubahan makna. Ini diikuti oleh perubahan membabitkan morfem dan fonem.

Asmah Hj. Omar (2006) menjelaskan bahawa kajian dan penyelidikan berbentuk linguistik lapangan hulu perlu dilakukan terhadap bahasa atau dialek yang belum pernah dikaji atau sedikit dikaji. Didapati tidak ada satu kajian yang lengkap dan tuntas tentang ciri leksikal bahasa orang Asli, melainkan beberapa tulisan dan catatan berasaskan tinjauan antropologi (Mohd Sharifudin Yusop, 2013). Tulisan yang ada sebelum ini lebih berkisar kepada pengklasifikasian suku tersebut berasaskan bahasa pertuturan mereka. Oleh itu, pengkaji mengambil inisiatif untuk mengkaji salah satu bahasa orang Asli yang terdapat di Semenanjung Malaysia, iaitu di daerah Jeli, Kelantan untuk mengisi lompang kosong ini.

Situasi genting yang dialami oleh bahasa orang Asli kini disebabkan dominasi bahasa Melayu, dan ancaman yang dibawa oleh angkubah modenisasi termasuklah urbanisasi, dan globalisasi, maka dijangkakan dalam waktu terdekat bahasa itu akan pupus (Mohd Sharifudin Yusop, 2009). Angkubah sosial yang mempunyai pengaruh terhadap proses pewarisan budaya mereka, khususnya dalam aspek bahasa ibunda perlu diteliti untuk menentukan kelancaran proses tersebut. Hal ini kerana fenomena pergeseran budaya berlaku dalam usaha orang Asli menempatkan diri mereka untuk bersaing dengan

masyarakat yang lebih dominan (Mohd Sharifudin Yusop, 2013). Tambahan pula, orang Asli Jahai menggunakan dialek Kelantan apabila bercakap dengan masyarakat tempatan untuk memastikan bahawa perbualan dapat difahami. Fenomena ini disebabkan tekanan daripada bahasa komuniti yang lebih dominan dan majoriti untuk memudahkan komunikasi harian mereka.

Masyarakat bahasa minoriti perlu melakukan proses penganjakan bahasa. Angkubah ini mempengaruhi sikap dan tingkah laku bahasa penutur bahasa minoriti. Mereka tidak ada banyak pilihan, iaitu sama ada mengasingkan diri daripada arus lalu tertinggal berbanding dengan masyarakat bahasa dominan, atau menyertai evolusi yang sedang melanda dan akan memilih menjadi dwibahasawan atau berganjak kepada bahasa baharu.

Sikap dan perbuatan penutur terhadap bahasa juga memainkan peranan penting dalam melestarikan bahasa natif mereka. Hal ini demikian kerana sikap berkait rapat dengan jati diri yang akan membawa perubahan bahasa kepada ke arah positif ataupun negatif. Oleh itu, walau apa pun faktor yang dikemukakan namun sikap penutur bahasa itu sendirilah yang menjadi faktor terpenting. Untuk melestarikan sesuatu bahasa, kalangan penuturnya haruslah bersikap positif terhadap bahasanya sendiri dan mengetepikan istilah mendominasi bahasa kerana ini merupakan suatu tanggapan penutur tersebut.

Hal ini turut disokong oleh Geoffrey Benjamin (2012) dengan menjelaskan bahawa bukan sahaja faktor demografi seperti jumlah penutur yang meletakkan sesuatu bahasa itu maju ataupun tidak tetapi faktor identiti budaya dan sikap terhadap bahasa juga memainkan peranan yang amat penting dalam proses pelestarian sesuatu bahasa itu. Sikap penutur dan tanggapan mereka terhadap bahasa ibunda yang menentukan jangka hayatnya. Menurut Gumperz, 1972 (dalam Zainal Abiddin Masleh, 2011) faktor sikap sebagai punca berlakunya fenomena ini kerana tekanan daripada bahasa yang lebih dominan. Kumpulan minoriti secara perlahan-lahan meninggalkan budaya dan bahasa ibunda mereka lalu berganjak menguasai budaya dan bahasa kumpulan yang majoriti dan lebih dominan. Pergeseran bahasa perlu diberikan perhatian, khususnya apa yang dialami bahasa peribumi yang jumlah penuturnya yang sangat sedikit kerana ketahanan sesuatu bahasa itu akhirnya terletak kepada sikap penutur bahasa tersebut. Oleh yang demikian, kajian perlu dilakukan untuk melihat sikap suku kaum Jahai terhadap bahasa ibunda mereka agar dapat ditentukan bahasa tersebut akan terus terlestari atau sebaliknya.

Menurut Teo Kok Seong (2013) juga, dunia globalisasi hari ini ialah salah satu penyebab kemusnahan bahasa. Hal ini demikian kerana antara kesan dunia globalisasi yang paling teruk ialah kemusnahan yang akan berlaku pada budaya

yang turut merangkumi bahasa di dalamnya. Dunia globalisasi kini akan menyebabkan kadar kemusnahan dan kepupusan bahasa yang lebih cepat berbanding dengan sebelum dunia globalisasi, yang dikatakan bermula pada sekitar 1989, iaitu setelah tamatnya Perang Dingin. Tambah beliau lagi, kebiasaannya bahasa yang mengalami kemusnahan didapati akan pupus antara dua hingga empat generasi atau antara 50 hingga 100 tahun. Namun, dunia globalisasi kini menyebabkan tahap kepupusan berlaku dalam tahap yang lebih menakutkan. Bahasa boleh musnah dalam tempoh satu hingga dua generasi sahaja, iaitu antara 25 hingga 50 tahun.

Oleh itu, hal ini bermaksud globalisasi telah memberikan kesan kepada bahasa kecil, atau dipanggil sebagai *minor languages* ini termasuklah golongan minoriti orang Asli. Gejala kepupusan bahasa, terutamanya bahasa kecil itu mulai pupus dalam satu generasi sahaja. Maksudnya, bahasa kecil ini tidak dapat diwarisi oleh generasi muda. Sebaliknya bahasa kecil ini kelihatannya sudah diabaikan aspek penggunaannya dan lama-kelamaan bahasa ini akan hilang dimamah zaman. Situasi ini tidak mustahil berlaku kepada bahasa orang Asli, khususnya bahasa Jahai yang mungkin akan mengalami kemusnahan disebabkan oleh globalisasi hari ini.

Seterusnya, generasi kini dilihat semakin melupakan bahasa suku etnik mereka apabila mereka dilihat lebih suka berkomunikasi atau dilihat jarang menggunakan bahasa suku etnik mereka dalam perbualan seharian. Mereka mungkin lebih suka menggunakan bahasa Melayu atau bahasa Inggeris. Hal ini demikian kerana mereka lebih terdedah dengan dunia luar dan bergaul dengan masyarakat luar daripada suku etnik mereka. Kecenderungan seperti ini merupakan sebahagian daripada tanda kepupusan bahasa suku etnik.

Tambahan lagi, menurut Alexis de Tocqueville dalam majalah Dewan Bahasa (Ogos, 2013), ikatan bahasa mungkin merupakan ikatan yang paling tahan lama yang dapat menyatukan manusia. Hal ini jelas menunjukkan bahawa bahasa bukan sahaja berfungsi sebagai wahana budaya sesebuah bangsa malahan bahasa juga merupakan salah satu faktor penyatuan manusia. Runtuhnya atau pupusnya sesuatu bahasa, maka ada bangsa yang akan turut sama lenyap bersama-sama dengan bahasa tersebut. Situasi ini sinonim dengan bahasa minoriti orang Asli yang kini berada di ambang kepupusan dan mungkin akan terus lenyap jika tidak ada sebarang kajian mahupun tindakan yang dilakukan. Hal ini secara tidak langsung dapat memastikan kelangsungan bahasa tersebut agar tidak pupus ditelan zaman dan tidak terus terpinggir daripada masyarakat luar. Ini kerana bahasa merupakan khazanah yang harus dilestarikan agar tidak lupus ditelan arus peredaran masa.

Kajian ini dilakukan untuk melihat perkembangan dan pengekalan bahasa Jahai dalam kelompoknya. Jika dilihat berdasarkan statistik, suku kaum Jahai adalah tidak begitu ramai. Oleh itu, satu usaha perlu dilakukan agar bahasa Jahai ini terus dipertahankan dan tidak mati. Hal ini disebabkan kebanyakan mereka sudah menerima pemodenan dan terdedah dengan dunia luar. Orang Asli sedar bahawa “bahasa luar” perlu dikaji dan dikenali dengan baik dan diguna pakai, terutamanya bahasa Melayu dan bahasa Inggeris (Hood Mohd Salleh, 2006). Kesan daripada gejala ini menyebabkan orang Asli, khususnya orang Asli Jahai hanya menggunakan bahasa Jahai dalam kelompok mereka. Namun apabila berhadapan dengan masyarakat luar lain, mereka akan menggunakan bahasa yang lebih dominan, iaitu bahasa Melayu dan bagi kes kajian di Sungai Rual ialah dialek Kelantan. Sekiranya tiada usaha untuk memulihara kemungkinan bahasa ini akan hilang secara perlahan-lahan ditelan zaman.

Tambahan pula, kajian tentang bahasa suku Jahai masih lagi kurang dalam kalangan pengkaji dan maklumat bahasa suku ini juga masih kurang berbanding dengan suku yang lain. Kajian mengikut disiplin ilmu linguistik terhadap bahasa Negrito ini juga tidak banyak dibuat. Nik Safiah Karim (1968) melahirkan rasa kebimbangannya dengan mengatakan bahawa bahasa orang Negrito agak ketinggalan dan ini sangat perlu dikaji dengan segera kerana bilangan penuturnya yang kecil berbanding dengan orang Senoi, dan bilangan ini bertambah kecil dari masa ke masa. Selain itu, mereka juga menghadapi bahaya kehilangan identitinya dengan pertembungan masyarakat Melayu. Oleh itu, bertitik tolak daripada pernyataan masalah, dapat dikenal pasti persoalan kajian yang terdapat dalam kajian iaitu:

- i. Apakah sistem bunyi bahasa Jahai?
- ii. Apakah faktor yang mempengaruhi penggunaan bahasa Jahai?
- iii. Apakah anggapan orang Asli Jahai terhadap bahasa mereka?

1.3 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti yang berikut:

- i. Mencerakinkan ciri leksikal bahasa Jahai
- ii. Menganalisis penggunaan bahasa Jahai
- iii. Merumuskan pengaruh dasar-dasar sosial terhadap kelestarian bahasa Jahai

1.4 Kepentingan Kajian

Kajian ini dapat menyumbang kepada pendokumentasian bahasa Jahai. Kajian tentang kebahasaan Jahai secara keseluruhannya merupakan kajian ilmiah terawal yang diusahakan oleh pengkaji kerana setakat ini belum terdapat kajian ilmiah, khususnya kajian kebahasaan yang dilakukan terhadap bahasa Jahai. Orang Asli Jahai tergolong dalam bangsa Negrito. Bangsa Negrito terdiri daripada enam suku, iaitu Kensiu, Kintak, Lanoh, Jahai, Mendriq dan Bateq. Orang Asli Jahai ini tertumpu di kawasan Hulu Perak, iaitu Banun, Sungai Tiang dan Persisiran Empangan Temenggor. Di Kelantan pula, mereka bertumpu di Sungai Rual, Jeli di Hulu Kelantan.

Dapatan daripada kajian ini amat penting dalam proses pendokumentasian bahasa yang menjadi khazanah bangsa yang amat tinggi nilainya. Bahasa juga menjadi perakam terpenting terhadap sesuatu peradaban atau tamadun bangsa agar terus terpelihara dan diberi perhatian. Kajian linguistik bahasa orang Asli di negara kita masih lagi berkurangan, oleh yang demikian dengan mengkaji bahasa orang Asli Jahai ini akan dapat merancakkan kajian dalam bidang ilmu, terutamanya aspek kebahasaan.

Selain itu, situasi bahasa Jahai yang berada pada tahap yang membimbangkan memerlukan usaha ke arah pelestarian bahasa ini amat penting dan harus dilakukan dengan segera untuk menjamin kelangsungannya pada masa akan datang. Kepupusan bahasa itu sendiri akan membawa kepada krisis identiti kepada generasi yang akan datang. Sekiranya hal ini berlaku, kepelbagaian nilai positif yang ada dalam sesebuah masyarakat juga akan lenyap. Kajian yang dilakukan dengan menggunakan pendekatan etnolinguistik ini bertujuan ke arah pelestarian, perancangan dan pengekodan bahasa Jahai.

Dengan adanya pengekodan unsur linguistik yang dilakukan dalam kajian ini berdasarkan analisis ciri leksikal dan makna dalam bahasa Jahai, masalah yang berkaitan dengan sebutan dan sistem ejaan bahasa dalam bahasa Jahai dapat dipaparkan. Selain itu, pengkaji berpendapat adalah penting untuk mendokumentasikan unsur-unsur linguistik ini dalam usaha kita memastikan bahawa bahasa ini terus terpelihara dan mengalami situasi kepupusan.

Pengekodan dan penyeragaman aspek ciri leksikal sesebuah bahasa amat penting untuk memastikan bahawa bahasa itu terus bertahan pada masa akan datang, terutamanya bahasa yang belum lagi mempunyai sistem tatabahasa yang tersendiri dan masih bersifat bahasa lisan seperti bahasa Jahai ini. Di

samping itu juga, kelestarian bahasa peribumi orang Asli, khususnya bahasa Jahai ini juga harus diberikan tumpuan untuk tujuan perancangan bahasa minoriti dalam sesebuah negara multi etnik seperti Malaysia dalam mengekalkan kepelbagaian dan citra sesebuah masyarakat.

Selain itu, pengkaji berpendapat bahawa kajian leksikal bahasa orang Asli Jahai ini amat berguna bukan sahaja kepada ahli linguistik, ahli akademik dan golongan pelajar tetapi juga boleh dimanfaatkan oleh para penterjemah dan para pembaca seluruhnya. Hasil kajian ini kelak akan dapat dijadikan sebagai satu mekanisme untuk mengumpul khazanah dan data leksikal bahasa orang Asli yang mungkin suatu hari nanti akan mengalami kepupusan akibat daripada arus pemodenan yang begitu pesat. Hal ini sudah tentu akan merugikan generasi orang Asli itu sendiri.

Tambahan pula, hasil kajian ini juga dapat dijadikan sebagai sumber rujukan asas kepada pengkaji lain yang ingin melakukan penyelidikan berkaitan bahasa orang Asli daripada pelbagai suku yang lain, di samping membantu para guru untuk menyampaikan ilmu kepada kalangan pelajar orang Asli dengan lebih berkesan. Selain itu, kajian ini akan dapat menambahkan lagi bahan yang berkaitan dengan pengkajian terhadap bahasa serta pemikiran orang Asli yang ternyata masih kurang bilangannya.

Melalui kajian ini juga, kita dapat melihat dasar sosial yang manakah banyak mempengaruhi penggunaan bahasa ibunda termasuklah kehidupan mereka dalam bermasyarakat, pendidikan, ekonomi dan lain lagi. Dalam pelestarian sesuatu bahasa, sikap penutur terhadap bahasa akan dilihat kerana sikap penutur yang akan menentukan sama ada bahasa tersebut akan terus terlestari atau sebaliknya. Terdapat faktor yang boleh mempengaruhi proses pelestarian sesuatu bahasa. Hal ini dapat dilihat berdasarkan sikap pemilihan bahasa yang berlandaskan Teori Domain (Mandala) Fishman (1972).

Dapatan daripada analisis teori ini amat penting bagi tujuan perancangan bahasa Jahai ke arah menyebarluaskan dan mengangkat martabat bahasa ini ke semua peringkat. Menyebarluaskan sesebuah bahasa dengan menggunakan pelbagai pendekatan amat penting kerana dengan peningkatan jumlah penutur sebuah bahasa di pelbagai kelompok dan latar belakang penutur, bahasa ini akan terus bertahan pada masa akan datang. Pengkaji juga berpendapat bahawa lapan domain yang menjadi tumpuan khusus serta digunakan dalam teori tentang sikap terhadap pemilihan bahasa dalam kalangan masyarakat Jahai berdasarkan peratusan penggunaannya dapat memberikan gambaran sikap masyarakat orang Asli Jahai terhadap bahasanya yang harus diberikan tumpuan

oleh pihak yang dipertanggungjawabkan untuk melestarikan dan mempertahankan bahasa ini.

Di samping itu, kajian ini dapat mengetengahkan bahawa bahasa orang Asli ini perlu diberikan perhatian lagi, terutama oleh para sarjana bahasa untuk merungkaikan dengan lebih jelas pelestarian bahasa, terutamanya dari sudut penelitian etnolinguistik. Hal ini amat berguna kepada pengkaji seterusnya yang berminat untuk mengkaji dan mengetahui akan bahasa orang Asli. Hal ini demikian kerana bahasa merupakan khazanah bangsa yang harus dipelihara, terutamanya bahasa suku minoriti seperti bahasa orang Asli kerana ramai masyarakat di luar sana yang masih kabur tentang bahasa suku masyarakat ini. Bahasa ini perlu diperkembang penyebaran dan fungsinya dalam masyarakat. Menurut Wan Khairulhusna Wan Mokhtar dan Mohd Sharifudin Yusop (2011), orang Asli harus diapresiasi oleh masyarakat massa kerana orang Asli ialah salah satu daripada suku kaum di Malaysia yang banyak mencorakkan citra negara ini dari sudut warisan silam yang semakin sirna daripada kaca mata sejarah.

Kajian ini juga dapat membantu menyumbang kepada kelestarian bahasa orang Asli Jahai. Pelestarian bahasa sangat penting dan berkait rapat dengan pelestarian budaya. Matisoff yang dipetik daripada Gibbs (2002) mengatakan bahawa bahasa adalah elemen yang paling penting dalam budaya sesebuah masyarakat. Sekiranya bahasa tersebut mati, maka kita akan kehilangan pengetahuan masyarakat tersebut dan kehilangan salah satu keunikan dunia.

Hal ini bermakna bahasa merupakan perkara yang penting dalam kebudayaan sesebuah masyarakat dan apabila bahasa itu mati, maka kebudayaan dan keunikan sesuatu bangsa di dunia juga akan hilang. Oleh itu, kajian tentang bahasa suku Jahai ini diharap dapat menjadi salah satu elemen kepada kelestarian bahasa minoriti yang semakin pupus agar kebudayaan dan keunikan bahasa suku minoriti ini tidak luput ditelan zaman begitu sahaja.

Akhir sekali dalam Teori Tipologi Keterancaman Bahasa Edward dan Sasse (1992) yang telah meletakkan 10 angkubah sebagai landasan untuk meneliti tahap keterancaman sesebuah bahasa minoriti juga amat signifikan dalam kajian ini. Dengan adanya tumpuan kepada aspek ini juga, pengkaji berpandangan bahawa hal yang berkaitan dengan migrasi dan mobiliti masyarakat Jahai harus diberikan tumpuan. Migrasi dan kemasukan masyarakat luar ke dalam sesebuah masyarakat orang Asli, terutamanya Jahai akan memberikan satu cabaran yang hebat dalam usaha masyarakat mengekalkan aspek budaya, identiti bahasa dan bangsanya. Ketahanan dan kekuatan sesebuah bahasa itu ditentukan oleh sejauh mana nilai jati diri dalam kalangan

masyarakatnya untuk terus mempertahankan bahasa komunikasi ibunda mereka. Kesemua aspek yang dinyatakan di atas menurut Asmah Hj. Omar (1989) merupakan langkah-langkah ke arah pemeliharaan dan pelestarian sesebuah bahasa yang perlu dilakukan terhadap bahasa yang mengalami ancaman kepupusan.

Justeru, berdasarkan huraian kepentingan kajian ini, pengkaji berpendapat bahawa masa depan bahasa Jahai ini akan terus bertahan dan terpelihara seandainya ciri linguistik bahasa ini dapat didokumenkan, sikap pemilihan dan tipologi keterancaman bahasa ini dapat dikenal pasti untuk tujuan perancangan ke arah pelestarian bahasa ini pada masa akan datang. Rentetan daripada itu juga, hasil kajian ini dapat didokumenkan sebagai bahan rujukan seterusnya dapat dikaji dengan lebih mendalam agar pelestarian dan perancangan untuk menjadikan bahasa ini sebagai bahasa yang menyumbang kepada peradaban bangsa Malaysia dapat dilakukan.

1.5 Batasan Kajian

Suku Jahai merupakan salah satu daripada kelompok kaum Negrito yang menjadi fokus utama kajian ini. Berdasarkan pembahagian yang dilakukan oleh para penyelidik sebelum ini, terdapat enam kaum dalam kelompok Negrito dan mempunyai bahasa komunikasi yang berbeza antara mereka. Kajian akan dibataskan kepada kajian tentang bahasa orang Asli Jahai yang terdapat di Pos Sungai Rual, Jeli Kelantan. Kawasan ini dipilih berdasarkan faktor geografi serta dapatan kajian awal menunjukkan kawasan ini ialah kawasan yang didiami oleh majoriti penuturnya berasal dari suku Jahai. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, pendekatan etnolinguistik atau antropolinguistik merupakan pendekatan yang menjadi pilihan dalam kajian ini dan akan memberikan tumpuan terhadap ciri linguistik, sikap pemilihan dan pelestarian bahasa serta tipologi keterancaman bahasa. Rajah 1.1 merupakan peta negeri kawasan kajian untuk melaksanakan penyelidikan ini.



Rajah 1.1: Peta Negeri Kelantan

Kaum Negrito terbahagi kepada enam suku, iaitu Kensiu, Kintak, Lanoh, Jahai, Mendriq dan Bateq. Namun dalam kajian ini, hanya suku Jahai yang akan dikaji. Suku Jahai tinggal di kawasan pedalaman, terutamanya di Timur Laut Perak dan sebelah Barat Kelantan. Di Kelantan, penempatan mereka terletak di RPS Sungai Rual di daerah Jeli. Jumlah penduduk suku Jahai di sini ialah sebanyak 1,086 orang (JAKOA, 2015). Berikut merupakan peta taburan orang Asli Negrito yang terdapat di negeri yang terlibat.

Rajah 1.2 : Kawasan Penempatan Orang Asli Negrito



Sumber: Pelan Strategik Jabatan Kemajuan Orang Asli 2011-2015

Rajah 1.2 di atas menunjukkan terdapat orang Asli suku Jahai yang terdapat di Hulu Kelantan, iaitu di jajahan Jeli, Kelantan. Di samping itu, terdapat juga bangsa Bateq yang mendiami negeri Kelantan yang terletak di jajahan Gua Musang.

Penganalisisan kajian ini berdasarkan pendekatan etnolinguistik atau antropolinguistik. Tumpuan kajian akan melibatkan tiga aspek utama, iaitu analisis linguistik, sikap penutur bahasa suku Jahai, dan tipologi keterancaman bahasa yang seterusnya akan menjelaskan sama ada bahasa Jahai terlestari atau sebaliknya.

1.6 Definisi Operasional

Definisi operasional merupakan terminologi yang digunakan dalam penyelidikan ini untuk memudahkan pengkaji mendefinisikan secara jelas setiap aspek, prosedur atau idea yang abstrak dalam kajian dengan lebih rinci. Menurut Sabitha Marican (2005), definisi operasional menjadi garis panduan kepada pengkaji untuk membuat penyelidikannya dengan lebih tepat kerana berkemungkinan isu yang sama akan dikaji dari sudut yang berbeza oleh pengkaji yang berbeza. Dalam melaksanakan kajian ini, terdapat beberapa istilah dan konsep utama yang menjadi pegangan kepada pengkaji agar tidak tersasar dan keluar daripada fokus penyelidikan ini. Antara istilah khusus yang dimaksudkan termasuklah definisi orang Asli, pelestarian bahasa, etnolinguistik, dan keusangan bahasa. Semua istilah ini merupakan aspek yang mendukung kepada konsep dan kerangka teori sepanjang kajian ini dilakukan iaitu orang Asli, keusangan bahasa, tipologi keterancaman bahasa dan analisis linguistik. Definisi operasional yang dimaksudkan adalah seperti yang berikut.

1.6.1 Orang Asli

Menurut Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) di bawah *Aboriginal People Ordinance* No. 3, 1954 yang telah dipinda pada tahun 1974, penetapan istilah dan kelayakan untuk dikatakan sebagai komuniti orang Asli telah dijelaskan dengan terperinci. Berdasarkan Seksyen 3 dalam Akta Orang Asli 1954 (Akta 134), orang Asli ditakrifkan seperti berikut:

- (a) Mana-mana yang bapanya ialah ahli daripada kumpulan etnik orang Asli, yang bercakap bahasa orang Asli dan lazimnya mengikut cara hidup orang Asli dan adat kepercayaan orang Asli, dan termasuklah seorang keturunan melalui lelaki itu;
- (b) mana-mana orang daripada mana-mana kaum yang diambil sebagai anak angkat semasa budak oleh orang Asli dan yang telah dibesarkan

- sebagai seorang orang Asli, lazimnya bercakap bahasa orang Asli, mengikut cara hidup orang Asli dan adat kepercayaan orang Asli, dan menjadi ahli daripada suatu masyarakat orang Asli;
- (c) anak daripada mana-mana penyatuan antara seorang perempuan Asli dengan seorang lelaki daripada kaum lain, dengan syarat anak itu lazimnya bercakap bahasa orang Asli dan kepercayaan orang Asli dan masih lagi menjadi ahli daripada suatu masyarakat orang Asli;
 - (d) mana-mana orang Asli yang tidak lagi berpegang kepada kepercayaan orang Asli oleh kerana dia telah memeluk mana-mana agama atau oleh kerana apa-apa sebab lain, tetapi dia masih mengikut cara hidup orang Asli dan adat orang Asli atau bercakap bahasa orang Asli tidak boleh disifatkan sebagai tidak lagi menjadi orang Asli semata-mata oleh sebab dia mengamalkan agama itu.

1.6.2 Pelestarian Bahasa

Pelestarian secara umumnya merupakan proses perlindungan daripada kemusnahan atau kerosakan, pengawetan dan konservasi sesuatu keadaan. Pelestarian bahasa merupakan usaha untuk mengekalkan hayat sesuatu bahasa terutamanya dalam kalangan komuniti bahasa itu sendiri. Usaha pelestarian sesuatu bahasa memerlukan perancangan rapi daripada pihak yang dipertanggungjawabkan dalam perancangan bahasa. Mohd Sharifudin Yusop (2013) menegaskan bahawa istilah pelestarian bahasa digunakan untuk menggantikan istilah pemeliharaan bahasa sebagai usaha agar suatu bahasa tetap dipakai dan dihargai sebagai identiti kelompok dalam masyarakat. Menurut beliau lagi, pelestarian bahasa ialah usaha untuk mengekalkan hayat sesuatu bahasa dalam kalangan komuniti bahasa itu sendiri. Collin (2002) mengatakan bahawa sikap penutur bahasa terdiri daripada tiga kriteria bagi menjamin pelestarian bahasa, iaitu ketaatan kepada bahasa ibunda, sikap berani terhadap perubahan tetapi mengekalkan bahasa ibunda dan bangsa yang menyanjung tinggi terhadap bahasa ibunda.

Manakala menurut Gardner (1982), pelestarian bahasa sebagai suatu tindakan yang dirancang secara teratur untuk memelihara sesebuah bahasa yang mengalami ancaman kepupusan dan yang berhadapan dengan gejala sosial bahasa seperti sikap penuturnya dan faktor persekitaran bahasa tersebut.

Oleh itu, berdasarkan pandangan yang dinyatakan ini, pelestarian bahasa merupakan salah satu kaedah pemeliharaan dan pemuliharaan bahasa yang dirancang secara teratur untuk mengekalkan situasi dan keberadaan sesebuah bahasa itu dalam kelompok masyarakat. Penyelidikan bahasa dari aspek pelestarian ini pula akan membuka lembaran baharu dalam

mengidentifikasi susur galur bahasa dan bangsa, khususnya pada bahasa orang Asli Jahai itu sendiri.

1.6.3 Kajian Sociolinguistik

Secara prinsipnya, sociolinguistik mengkaji aspek linguistik yang melibatkan aspek bahasa, struktur dan penggunaan yang berhubungan dengan fungsi sosial, kebudayaan dan penggunaannya dalam sesebuah masyarakat yang tertentu. Dengan kata yang lain, sociolinguistik meneropong hubungan bahasa dengan masyarakat ataupun bahasa sebagai alat kehidupan manusia. Menurut Hymes (1971), bidang sociolinguistik merupakan suatu bidang yang mengkaji ciri variasi bahasa, ciri fungsi variasi ini dan ciri penutur yang menggunakannya apabila ketiga-tiga unsur ini berinteraksi, berubah dan mengubah satu sama lain dalam sesuatu masyarakat bahasa. Dengan kata lain, bidang sociolinguistik mengkaji hubungan antara bahasa dengan masyarakat yang menggunakan bahasa tersebut (Hudson, 1980). Ia bertujuan untuk mendapat pemahaman yang lebih baik tentang struktur bahasa dan fungsi bahasa dalam komunikasi. Dalam hubungan ini, latar ahli masyarakat, sama ada daripada segi daerah, taraf pendidikan, taraf sosial, pekerjaan, umur dan jantina akan memberi kesan kepada bahasa yang digunakannya (Abdullah Hassan, 2007). Hubungan yang erat di antara bahasa dan masyarakat telah menjadikan bahasa sebagai alat utama dalam pembentukan kebudayaan dan peradaban. Masyarakat yang berperadaban pula tidak berhenti pada hubungan antara anggota masyarakat, tetapi melihat juga kepada usaha dan ciptaan manusia yang menjangkau masa dan ruang (Asmah Hj. Omar, 2005).

Selain itu, sociolinguistik juga membahaskan aspek kemasyarakatan bahasa, khususnya perbezaan (variasi) yang terdapat dalam bahasa yang berkaitan dengan faktor kemasyarakatan (sosial). Terdapat tiga bentuk kajian, iaitu: kajian bahasa dalam konteks sosial dan kebudayaan; kajian yang menghubungkan faktor kebahasaan, ciri dan ragam bahasa dengan situasi, faktor sosial dan budaya; dan kajian terhadap fungsi sosial dan penggunaan bahasa dalam masyarakat (Nababan, 1993). Tegasnya, pengetahuan dalam bidang sociolinguistik amat penting kerana ia dapat memberikan pedoman dalam berkomunikasi dengan menunjukkan bahasa, ragam bahasa atau gaya bahasa apa yang harus digunakan apabila berbicara dengan orang tertentu (Abdul Chaer Leonie Agustina, 1995). Hal ini akan membolehkan anggota masyarakat hidup dalam harmoni dan saling menghormati.

Selanjutnya, menurut Nik Safiah Karim (1988), kajian dalam bidang sociolinguistik meliputi semua aspek bahasa dan hubungannya dengan masyarakat. Hubungan ini termasuklah kajian terhadap bahasa, dialek dan

idiolet, kedwibahasaan, profil sosiolinguistik, etnografi bahasa, sikap terhadap bahasa dan perancangan bahasa. Pada dasarnya, kajian sosiolinguistik boleh dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif. Ini kerana, adalah sukar untuk mentakrifkan secara tepat pola hubungan antara bahasa dengan masyarakat. Kesulitan ini berlaku kerana hubungan antara bahasa dengan masyarakat merangkumi banyak aspek. Justeru, ahli sosiolinguistik bebas menentukan apa yang perlu mereka kaji dan bebas menamakan kajian sosiolinguistik mereka. Apa yang penting, kajian tersebut memperlihatkan hubungan antara masyarakat dengan bahasa atau sebaliknya (Norah Mohamed, 1998). Teo Kok Seong (2007) pula mengatakan, pengajian dan pengkajian sosiolinguistik bermatlamat untuk menunjukkan hubungan sistematik yang wujud antara struktur bahasa dengan struktur sosial. Dalam hal ini, timbul persoalan sama ada sesuatu struktur bahasa itu yang menyebabkan berlakunya sesuatu struktur sosial, atau sebaliknya yang berlaku.

1.6.4 Keusangan Bahasa

Mohd Sharifuddin (2007) berpendapat bahawa keusangan bahasa diterjemahkan sebagai obsolesensi, iaitu pengurangan beransur-ansur dengan kehilangan sesuatu keadaan dan situasi. Menurut beliau, keusangan bahasa wujud sebagai satu bidang pengajian tercetus lahirnya dari satu koleksi hasil pengajian tentang penyusutan bahasa dan kematian bahasa. Tambah beliau lagi dua fokus utama fenomena keusangan bahasa iaitu angkubah sosial dan perubahan struktur bahasa. Hal ini bersesuaian dengan jenis kematian bahasa iaitu jenis kematian yang beransur-ansur. Grimes (2002) menyenaraikan enam tahap keterancaman dan kepupusan bahasa, iaitu:

- i. Pertama, bahasa yang *critically endangered*, merujuk bahasa yang dalam keadaan kritikal dan nazak. Bahasa ini hanya tinggal sedikit penuturnya dan semuanya berusia 70 tahun ke atas.
- ii. Kedua, *severely endangered*, merujuk bahasa yang hanya memiliki penutur berusia 40 tahun dan ke atas. Bahasa seperti dalam situasi sakit parah.
- iii. Ketiga, *endangered*, ertinya bahasa-bahasa yang penuturnya berusia 20 tahun ke atas. Bahasa seperti ini dalam situasi terancam punah.
- iv. Keempat, *eroding*, iaitu bahasa yang penuturnya adalah sebilangan kanak-kanak dan yang lebih tua. Kebanyakan kanak-kanak lain tidak lagi menggunakannya. Bahasa seperti ini dalam situasi terhakis.
- v. Kelima, *stable but threatened*, iaitu bahasa yang digunakan oleh semua kanak-kanak dan orang dewasa tetapi jumlahnya sangat sedikit ini.
- vi. Keenam, *safe*, iaitu bahasa yang tidak dalam mengalami ancaman kepunahan. Bahasa yang masih diperoleh dan dipelajari oleh semua kanak-kanak dan usia dewasa dalam kelompok etniknya. Bahasa ini dikategorikan sebagai bahasa yang berkembang.

Manakala menurut David Crystal (2000) dan Lauder (2005), tahap kepupusan bahasa adalah seperti yang berikut:

- i. Berpotensi terancam punah, *potentially endangered languages* iaitu bahasa yang secara sosial dan ekonomi tergolong minoriti serta mendapat tekanan yang cukup besar dan dominasi. Generasi mudanya lebih suka berkomunikasi dengan bahasa lain serta meninggalkan bahasa ibundanya.
- ii. Terancam punah, *endangered languages* iaitu bahasa yang tidak mempunyai lagi generasi muda yang dapat berbahasa ibunda. Penutur yang fasih hanyalah kelompok generasi menengah (dewasa).
- iii. Sangat terancam punah, *seriously endangered languages* iaitu bahasa yang hanya dituturkan oleh generasi tua berusia 50 tahun ke atas.
- iv. Nazak, *moribund languages*, iaitu bahasa yang dituturkan oleh beberapa orang tua sekitar 70 tahun ke atas.
- v. Punah, *extinct languages* iaitu bahasa yang dituturkan oleh beberapa orang tua sekitar 70 tahun ke atas.

Menurut Weinreich (1986), dan Giglioli (1990), persaingan yang terjadi antara bahasa peribumi, bahasa kebangsaan dan bahasa asing (Inggeris) boleh mewujudkan berlakunya kepunahan terhadap sesuatu bahasa. Campbell dan Muntzell (1989) mengatakan bahawa tahap yang harus dilalui sebelum sesuatu bahasa itu menemui ajalnya ialah apabila wujudnya pertembungan budaya yang menimbulkan konsep kasta dalam bahasa, iaitu bahasa dominan dan bahasa minoriti.

Dalam konteks bahasa orang Asli, iaitu bahasa Jahai, bahasa ini merupakan kumpulan bahasa orang Asli Negrito serta berada dalam pertembungan budaya dengan kaum Melayu yang terdapat di negeri Kelantan. Masalah pergeseran bahasa juga menyebabkan masalah ini berlaku dan akhirnya mengakibatkan penutur menjadi keliru dan mengambil keputusan untuk menjadi penutur dwibahasa. Pada tahap ini, banyak perubahan berlaku pada struktur bahasa yang didominasi, terutamanya dalam aspek leksikon dan sistem bunyi. Selain itu juga, pada aspek pemilihan bahasa ketika berkomunikasi penutur bahasa Jahai juga sering menjadikan bahasa Melayu, iaitu dialek Melayu Kelantan sebagai bahasa pilihan utama.

1.7 Latar Belakang Masyarakat Orang Asli

Masyarakat orang Asli merupakan sebahagian daripada masyarakat Malaysia. Orang Asli turut dikelaskan sebagai “Bumiputera” di dalam kumpulan etnik utama. Mereka terdapat di seluruh negeri di semenanjung Malaysia kecuali Perlis dan Pulau Pinang (Ramle Abdullah, 1993). Negeri-negeri yang didiami oleh orang Asli termasuklah Pahang, Perak, Kelantan, Selangor, Negeri Sembilan, Johor, Melaka, Kedah dan Terengganu (Jimin Ishak, 1968).

Mengikut beberapa teori sejarah, masyarakat orang Asli yang terdapat di negara kita adalah tinggalan daripada kumpulan manusia yang awal telah menghuni negara ini (Carey, 1976). Orang Asli yang dikenali sebagai Melayu-Proto datang melalui gelombang pertama iaitu kira-kira 1500 tahun lampau. Masyarakat ini tinggal di pedalaman dalam bentuk berkumpulan. Mereka tidak mempunyai sebarang bentuk perhubungan dengan pengaruh luar. Mereka hidup berasingan tanpa ada perubahan sambil mengekalkan kehidupan asal mereka. Manakala bangsa Melayu pula datang sebagai gelombang kedua iaitu kira-kira 2500 tahun dahulu. Masyarakat ini tinggal di persisiran dan terdedah kepada dunia luar seperti Animisme, Hindu, Buddha, Islam dan Barat. Kemasukan pengaruh luar ini menjadikan masyarakat Melayu lebih maju berbanding dengan masyarakat orang Asli. Walau bagaimanapun, bangsa Melayu dan bangsa orang Asli berasal daripada rumpun yang sama. Apa yang membezakan mereka adalah kedudukan tempat tinggal dan pemikiran mereka.

Perkataan orang Asli merujuk kepada orang yang pertama atau mula-mula. Asli berasal daripada perkataan Arab iaitu *Asali* yang bermakna asal atau asli. Majoriti masyarakat orang Asli adalah masyarakat yang bertembung atau terhalang dalam aktiviti ekonomi. Dikatakan juga telah berlaku asimilasi antara orang Asli dan bangsa Melayu melalui perkahwinan yang akhirnya melahirkan bangsa Melayu sekarang ini.

Pada zaman dahulu hidup mereka berpindah randah kerana kehidupan mereka bergantung kepada alam semulajadi seperti berburu, menangkap ikan, serta mengutip hasil hutan. Andainya hasil-hasil ekonomi di kawasan yang didiami oleh mereka semakin berkurangan, mereka akan berpindah mencari kawasan baru dan subur. Pergerakan mereka adalah dalam bentuk kumpulan kecil yang diketuai oleh seorang ketua. Masyarakat minoriti ini hidup berselerak di pinggir-pinggir hutan dan keadaan hidup yang bertaburan dalam satu kumpulan kecil ini amat sukar dikesan jika mereka masuk ke tengah-tengah hutan.

Di awal kemerdekaan, kehidupan orang Asli agak terbiar dan sering terdedah kepada ancaman Komunis. Pada masa sekarang masyarakat ini semakin membangun melalui projek-projek yang disediakan oleh JAKOA seperti perumahan, kesihatan, pendidikan, penternakan serta perubahan hidup daripada primitif kepada kemajuan. Selari dengan arus pembangunan, masyarakat orang Asli tidak lagi terpinggir. Melalui usaha-usaha yang dijalankan oleh pelbagai pihak, masyarakat orang Asli Jahai di Kampung Sungai Rual, Jeli Kelantan juga turut berubah mengikut arus pembangunan. Usaha-usaha yang diambil oleh kerajaan dalam membantu meningkatkan taraf kehidupan orang Asli telah mula menampakkan perubahan dan masyarakat orang Asli telah menjalani perubahan taraf kehidupan ke arah lebih baik. Penerimaan terhadap unsur-unsur luar seperti cara berpakaian, pergaulan dan penglibatan dalam kegiatan sosial menunjukkan bahawa masyarakat orang Asli bukan lagi satu golongan yang terabai.

Terdapat tiga kumpulan utama orang Asli di Semenanjung Malaysia iaitu Negrito, Senoi dan Melayu Asli (Proto-Malay). Setiap satu suku bangsa ini terdiri daripada enam suku kaum. Negrito terbahagi kepada Lanoh, Bateq, Kentak, Kensiu, Mendriq dan Jahai. Manakala Senoi pula terdiri daripada Jahut, Che Wong, Semoq Beri, Mahmeri, Temiar dan Semai. Melayu Proto pula terdiri daripada Temuan, Duano, Kanaq, Semelai, Jakun dan Seletar.

Terdapat kira-kira 141, 230 orang Asli di Semenanjung Malaysia. Kebanyakan suku kaum Asli terdapat di negeri Pahang iaitu sebanyak 50, 792 orang, Perak sebanyak 42, 841 orang, Selangor sebanyak 15, 210 orang, Johor pula seramai 10, 938 orang, Kelantan seramai 10, 807 orang, Negeri Sembilan sebanyak 8,454 orang, Melaka pula sebanyak 1,235 orang, Terengganu seramai 757 orang dan Kedah adalah sebanyak 196 orang.

NEGERI	BILANGAN PENDUDUK (ORANG)
PAHANG	64, 443
PERAK	53, 299
SELANGOR	17, 587
JOHOR	15, 841
KELANTAN	13, 457
NEGERI SEMBILAN	10,563
MELAKA	1, 844
TERENGGANU	893
KEDAH	270
JUMLAH KESELURUHAN	178, 197

Jadual 1.1 Pecahan Penduduk Orang Asli Mengikut Negeri (Sumber: Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli 2011-2015, JAKOA:2014)

1.8 Orang Asli Jahai

Orang Asli Jahai tergolong dalam kumpulan orang Asli Negrato. Negrato dianggap sebagai orang Asli yang paling primitif (Means, 1985), terkecil (Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, 2008) dan tertua (Carey, 1976) di Malaysia. Orang Asli Negrato membentuk kira-kira 3% daripada populasi keseluruhan orang Asli di Semenanjung Malaysia. Orang Asli Negrato dipercayai telah berada di hutan-hutan Malaysia lebih kurang 25,000 tahun yang lepas, diikuti oleh Orang Senoi pada 8,000 tahun yang lepas dan Melayu-Proto pada 4,000 tahun yang lepas (Carey, 1976). Orang Asli Negrato lebih popular dikenali sebagai 'Semang' di kalangan ahli-ahli antropologi (Suki Mee, 2009).

Orang Asli suku Jahai banyak menghuni kawasan pedalaman terutamanya di Timur Laut Perak dan sebelah Barat Kelantan (Amran Kasimin, 1993). Kebanyakan Orang Asli Jahai memilih untuk tinggal sama ada di kuala sungai atau di persisiran tasik (Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, 2004). Lokasi penempatan mereka ialah di Banun, Sungai Tiang dan pesisir Empangan Temenggor di Perak dan di Kelantan pula, mereka banyak tertumpu di Kampung Sungai Rual dan sekitar Jeli, Hulu Kelantan (Jabatan Kemajuan Orang Asli, 2011).

Bil.	NEGERI-NEGERI	SUKU ASLI JAHAI (ORANG)
1	PAHANG	-
2	PERAK	1575
3	SELANGOR	-
4	JOHOR	-
5	KELANTAN	1,086
6	NEGERI SEMBILAN	-
7	MELAKA	-
8	TERENGGANU	-
9	KEDAH	-
	JUMLAH KESELURUHAN	2661

Jadual 1.2 Komuniti Penduduk Suku Asli Jahai Mengikut Negeri-Negeri di Semenanjung Malaysia (Sumber : JAKOA, 2015)

Rumah mereka berbentuk pisang sesikat yang dibina daripada buluh dan beratapkan daun bertam dan tepus yang dipanggil sebagai *hayaa'*. Suku bangsa Jahai suka membuat rumah yang ringkas kerana mereka mengamalkan cara hidup berpindah-randah. Jahai merupakan golongan yang paling mundur serta terencil jika dibandingkan dengan suku etnik yang lain. Sebelum ini, mereka adalah kaum nomad yang tidak mempunyai penempatan tetap. Mereka berpindah dari satu tempat ke satu tempat apabila berlaku kematian, penyakit ganjil, perbalahan kecil, kerana keperluan makanan dan pertambahan penduduk. Kini, amalan berpindah-randah semakin kurang diamalkan kerana

mereka telah menerima bantuan daripada agensi kerajaan. Di bawah kelolaan JAKOA, penempatan tetap serta tersusun telah disediakan untuk mereka atau dikenali sebagai Rancangan Penempatan Semula (RPS).

Walau bagaimanapun, dengan penempatan mereka yang biasanya terletak jauh di kawasan pedalaman ataupun berhampiran dengan hutan, serta sifat mereka yang agak pemalu dan rendah diri menyebabkan mereka kurang bergaul dengan masyarakat luar (Shairah Abd. Razak, 2007).

1.8.1 Fizikal

Setiap manusia ataupun benda-benda hidup akan dapat dikenali melalui ciri-ciri fizikalnya. Begitu juga dengan manusia yang mana setiap kaum itu adalah berbeza bentuk fizikalnya. Dalam mengenali masyarakat Jahai ini, kita dapat mengenali melalui warna kulit. Pada amnya rupa paras orang Jahai seakan-akan Orang Habsyi atau Negro di Afrika, Kaum Andaman dan Aeta di Filipina. Kaum Jahai ini kulitnya hitam berkilat serta tidak banyak bulu roma. Kedudukan mata mereka tersorot jauh ke dalam dengan anak mata berwarna hitam, bulat serta terbuka luas. Hidung mereka pula kembang dan leper. Mereka juga mempunyai bentuk bibir yang pelbagai namun kebiasaannya bibir mereka agak terkeluar ke hadapan. Mereka juga mempunyai bentuk tubuh yang sempurna dengan dada yang bidang, dahinya agak luas dan lebar serta bentuk rambutnya kerinting halus lebat (woolly) dan berwarna coklat kehitaman (Carey, 1976). Bagi wanita masyarakat Jahai, kebiasaannya mereka gemar menghias diri pada bahagian muka dengan menyapu pewarna muka berwarna putih dan tatu. Ini menunjukkan bahawa masyarakat orang Asli juga mementingkan kecantikan dengan menghias diri dengan corak-corak pada badan. Mereka juga merupakan etnik yang paling mahir hidup di dalam hutan dalam apa jua keadaan.

Dari segi bentuk badan pula, masyarakat Jahai adalah masyarakat yang mempunyai saiz badan yang kecil berbanding suku kaum yang lain yang terdapat di Semenanjung Malaysia. Ciri-ciri fizikal orang Jahai berbeza dengan masyarakat lain di Semenanjung Malaysia kerana bentuk badannya lebih kecil. Purata ketinggian bagi lelaki Jahai ialah 1491 mm manakala perempuan pula 1408 mm.

1.8.2 Bahasa

Bahasa pertuturan adalah sesuatu yang penting bagi membolehkan seseorang memahami setiap apa yang dituturkan oleh seseorang yang lain. Ini kerana tanpa bahasa tidak mungkin komunikasi yang berkesan akan berlaku. Dalam hal ini masyarakat orang Asli juga mempunyai bahasa pertuturannya sendiri apabila berkomunikasi sesama mereka.

Bagi masyarakat Jahai mereka akan bertutur dalam bahasa Melayu apabila bercakap dengan masyarakat umum. Kebolehan mereka bercakap dalam bahasa Melayu ini kerana mereka bergaul dengan masyarakat sekeliling. Misalnya lawatan demi lawatan yang dianjurkan oleh JAKOA serta sistem pendidikan yang disediakan telah membolehkan anak-anak orang Jahai belajar bersama-sama dengan pelajar Melayu. Pergaulan ini akan mendorong mereka untuk fasih bahasa Melayu dialek Kelantan.

Kebanyakan orang Jahai yang berumur lebih 50 tahun ke atas masih kekal dengan tradisi bahasa ibunda dan hanya tahu sepatah dua sahaja bahasa Melayu. Walaupun begitu, mereka tahu apa yang dituturkan oleh orang lain yang bertutur dalam bahasa Melayu. Namun generasi muda telah dapat menguasai sepenuhnya dan menggunakan bahasa ini untuk berhubung dengan orang lain yang datang melawat di perkampungan mereka. Mereka juga menggunakan bahasa Melayu apabila bercakap dengan suku-suku orang Asli lain yang tidak faham bahasa ibunda mereka. Ini menjelaskan bahawa masyarakat ini sedikit mengalami perkembangan yang mana awalnya mereka hanya boleh bertutur dalam bahasa mereka sahaja. Pergaulan dengan masyarakat sekeliling telah membawa percampuran dan penambahan bahasa.

1.8.3 Agama

Agama amat penting dalam mempengaruhi seseorang itu dalam menjalani kehidupan yang sempurna. Ini kerana agama akan dapat mengatur perjalanan hidup mereka. Bagi masyarakat orang Asli kehidupan mereka agak primitive dan ketinggalan namun mereka juga mempunyai agama yang tersendiri. Pada awal 1970-an, masyarakat orang Asli di Kampung Sungai Rual tidak ada seorang pun yang beragama Islam. Ini kerana pada waktu itu mereka baru ditempatkan di pos itu dan masih kekal dengan kepercayaan animism. Masyarakat ini hanya mempercayai benda-benda yang terdapat di sekeliling mereka sahaja. Masyarakat Jahai waktu itu masih tiada pegangan agama dan hanya mempercayai setiap perkara yang berlaku itu disebabkan oleh penunggu. Mereka juga masih teguh mengamalkan pantang larang seperti apabila berlaku

kematian, barang-barang si mati akan ditanam bersama mayat agar roh si mati berasa tenang dan tidak keluar mengganggu keluarga yang lain.

Pada awal tahun 1980-an, perubahan sedikit demi sedikit telah berlaku di dalam masyarakat ini. Pada waktu ini masyarakat Jahai mula menerima Islam sebagai agama mereka. Pada peringkat awalnya, seramai tujuh orang kaum ini telah memeluk Islam. Perubahan ini menggambarkan masyarakat Jahai telah mula menerima kemajuan. Mereka juga sedar betapa perlunya agama lain yang lebih menjamin kehidupan mereka. Rata-rata masyarakat ini masih kekal dengan agama asal mereka. Ini kerana mereka sukar untuk menerima perubahan dalam diri yang sekian lama dibaluti oleh kepercayaan warisan mereka. JAKOA tidak berputus asa untuk memujuk masyarakat ini dengan mengadakan bengkel, membenarkan kemasukan pendakwah-pendakwah bebas secara individu atau berkumpulan untuk memberi kursus kepada penghulu dalam mendekati Islam.

Pendakwaan dilakukan ke atas penghulu terlebih dahulu agar memudahkan anak buah yang lain memeluk Islam setelah mendapati penghulunya beragama Islam. Taktik amat penting untuk menarik minat masyarakat bawahannya. Ternyata masyarakat Jahai lebih mudah menerima Islam dan pembangunan berbanding dengan suku Temiar di Gua Musang, Bateq di Kuala Lebir dan Mendriq di Kuala Lah. Ini kerana masyarakat Jahai di Pos Sungai Rual adalah amat sedikit bilangannya dan mudah pengawalan serta proses pujukan dilakukan berbanding dengan suku kaum Temiar, Bateq dan Mendriq yang ramai jumlahnya.

Bermula pada tahun 1990-an, telah berlaku perkembangan yang menggalakkan dalam masyarakat Jahai sehinggalah masa kini. Masyarakat ini telah menerima agama Islam sepenuhnya sebagai agama kepercayaan mereka. Perubahan ini amat membanggakan kerana telah berlaku pertambahan jumlah umat Islam walaupun penerimaannya agak baru. Sebuah surau telah didirikan di Kampung Sungai Rual dan Kampung Manok dan diselia oleh tenaga pengajar yang telah ditugaskan oleh pihak JAKIM untuk memberi bimbingan fardhu ain dan fardhu kifayah kepada orang Asli Jahai.

1.9 Sejarah Kampung Sungai Rual

Kampung Sungai Rual adalah sebuah kampung yang terletak di pinggir hutan pedalaman di daerah Jeli, Kelantan. Ia mula diterokai dan didiami oleh masyarakat orang Asli pada tahun 1972, yang mempunyai keluasan 669.9 hektar. Pos Sungai Rual ini terletak kira-kira 22 kilometer dari pusat Bandar

Jeli. Kampung ini dinamakan Sungai Rual kerana ia terletak di Lembangan Sungai Rual. Pada awal 1972, perkampungan ini hanya boleh dilalui oleh pacuan empat roda kerana jalannya belum berturap sebaliknya pada hari ini sudah boleh dilalui oleh apa-apa jenis kenderaan. Kawasan ini telah dikhaskan oleh kerajaan sebagai kawasan simpanan bagi menempatkan masyarakat orang Asli Jahai kerana mereka memilih sendiri kawasan ini sebagai kawasan penempatan mereka. Justeru, mereka tidak lagi mengamalkan kehidupan berpindah randah (Zalina, 2000).

Pos sungai Rual pada awalnya terdiri daripada tiga buah kampung yang ditadbir oleh tujuh orang penghulu iaitu, seorang bagi Kampung Manok, dua orang di Kampung Kalok dan empat orang di Kampung Sungai Rual. Walau bagaimanapun, ketika ini sudah ada empat buah kampung iaitu Kampung Seberang sebagai tambahan dan diketuai oleh seorang penghulu yang mewakili setiap kampung.

Apa yang menariknya ialah kawasan ini telah dipilih sendiri oleh masyarakat orang Asli sebagai tempat kediaman mereka yang kekal. Ini menunjukkan bahawa mereka telah mampu memilih sendiri kawasan petempatan mereka yang sesuai dengan jiwa mereka. Oleh itu, mereka tidak lagi hidup secara berpindah-randah seperti sebelum ini. Keadaan ini telah membolehkan mereka menyesuaikan diri dengan sempurna.

Golongan minoriti ini telah dikumpulkan oleh kerajaan dengan menempatkan mereka di satu-satu kawasan bagi memudahkan kerajaan menguruskan dan membaiki kehidupan mereka selari dengan arus pembangunan. Ini penting kerana kehidupan mereka yang berselerak boleh memupuskan lagi masyarakat ini yang semakin mengecil bilangannya. Oleh itu, kerajaan telah mencari alternatif baru dengan mengumpulkan semula masyarakat ini di satu-satu kawasan yang dinamakan sebagai RPS iaitu Rancangan Penempatan Semula.

Penempatan mereka di Kampung Sungai Rual adalah satu kawasan yang strategik bagi masyarakat ini kerana ianya terletak jauh dari petempatan masyarakat lain. Ini amat sesuai kerana masyarakat orang Asli sukar menerima masyarakat luar selain dari bangsanya sendiri. Tetapi kini, masyarakat orang Asli tidak lagi berpandangan sedemikian dan mula menerima kedatangan orang luar ke kampungnya. Namun, ia perlulah mendapat persetujuan dari JAKOA terlebih dahulu. Ini kerana, masyarakat luar tidak boleh masuk dengan sewenang-wenangnya ke kampung itu kerana bimbang sesuatu yang tidak diingini akan berlaku. Oleh itu, kawalan dan pemerhatian daripada JAKOA menjadikan hidup mereka lebih terjamin dan terkawal dan mendapat

pembelaan daripada kerajaan agar dapat membawa mereka mengecapi arus pemodenan selaras dengan pembangunan negara.

Berhampiran dengan Pos Sungai Rual ini terdapatnya perkampungan Melayu iaitu Kampung Kuala Long. Kampung ini terletak kira-kira empat kilometer ke barat daya Sungai Rual. Jadi, tidak hairanlah jika masyarakat orang Asli Jahai dapat menyesuaikan diri dengan masyarakat Melayu. Mereka telah menjadi orang tengah dalam kegiatan ekonomi, iaitu dengan memasarkan hasil ekonomi masyarakat Jahai seperti rotan, petai, dan ubat-ubatan herba. Perhubungan ini akan dapat merapatkan lagi hubungan sosial mereka.

Terdapat juga Kampung Jeli yang terletak agak jauh sedikit dari kawasan pos, iaitu kira-kira lapan kilometer ke utara. Di sini terdapatnya sebuah pekan yang menyediakan barang keperluan harian masyarakat Melayu dan juga orang Asli. Pekan ini dinamakan Batu Melintang yang terletak kira-kira 11.2 kilometer dari penempatan Pos Sungai Rual.

1.10 Sosiobudaya

1.10.1 Perlantikan Penghulu

Dalam masyarakat Jahai, penghulu merupakan pentadbir di sesebuah kampung. Penghulu dilantik mengikut keturunan atau warisan (saka). Penghulu merupakan seorang yang dipercayai dan mempunyai pengaruh di kalangan pentadbir di kampungnya. Penghulu memainkan peranan dalam menyelesaikan sebarang masalah berhubung dengan adat, aktiviti harian dan keluarga di samping menyampaikan dan menerima maklumat semasa.

1.10.2 Institusi Keluarga

Masyarakat Jahai mempunyai bilangan ahli keluarga yang kecil iaitu di antara tiga hingga enam orang. Keadaan ini ada hubungannya dengan amalan hidup mereka. Mereka terpaksa menahan nafsu sehingga si anak putus susu. Mereka juga memakan ubat tradisional daripada akar kayu seperti 'Akar Gajah Beranak' dan 'Akar Manang'. Cara hidup berpindah-randah dan amalan makanan dan kesihatan yang kurang sempurna juga mempengaruhi jumlah bilangan ahli kaum Jahai.

Mereka memberi nama kepada ahli keluarga yang diilhamkan daripada alam sekitarnya seperti nama sungai, tempat, pokok, benda-benda dan sebagainya. Walau bagaimanapun, kesan pengaruh media massa menyebabkan nama-nama penyanyi dan pelakon filem diambil untuk menamakan anak yang baru dilahirkan. Namun, dengan pengislaman orang-orang Asli Jahai, ramai antara ibu bapa menamakan anak-anak mereka dengan nama-nama Arab seperti yang berlaku dalam masyarakat Melayu.

Dalam aktiviti harian, kaum lelaki menjalankan tugas mencari nafkah dengan memburu, menangkap ikan, mencari rotan serta kayu gaharu dan lain-lain lagi. Kaum wanitanya pula membuat kerja-kerja rumah seperti memasak, membasuh dan mengangkut air dengan buluh. Mereka juga bercucuk tanam secara kecil-kecilan. Tanaman utamanya adalah pisang, jagung, padi huma dan ubi kayu. Mereka memburu menggunakan 'sumpit' dan anak damak yang dibubuh racun getah dari pokok 'Ipoh'. Binatang buruan mereka ialah tupai, beruk, cekah dan lain-lain lagi. Beliang dan parang pula digunakan untuk mencari kayu api dan juga untuk menjalankan aktiviti harian yang lain.

Peranan JHEOA atau sekarang dikenali sebagai JAKOA dan agensi lain telah banyak mengubah cara hidup mereka ke arah kehidupan yang lebih moden. Hasil tangkapan ikan dan tanaman kekal seperti durian dan rambutan merupakan salah satu mata pencarian di mana ianya dijual kepada orang tengah untuk menampung keperluan harian mereka.

1.10.3 Perkahwinan

Masyarakat Jahai tidak mempunyai adat tertentu dalam menguruskan hal-hal perkahwinan. Pasangan tertentu boleh berkahwin jika mereka telah bersetuju dan mendapat restu daripada kedua-dua belah pihak. Hadiah berbentuk benda seperti kain pelikat dan kain batik akan diberi kepada bakal isteri dan bakal mertua oleh pihak lelaki, namun ia bukanlah suatu kemestian. Setelah mendapat persetujuan, kedua-dua pasangan dibenarkan tinggal dan tidur bersama. Pada zaman sekarang, mereka mengikut cara pernikahan dalam Islam iaitu nikah melalui ijab dan qabul. Ustaz yang telah ditugaskan akan bertindak sebagai kadi untuk menikahkan pasangan yang akan berkahwin.

1.10.4 Adat Resam

1.10.4.1 Masuk Kampung

Setiap pengunjung dilarang melakukan perkara sumbang di kampung tersebut kerana dipercayai akan berlaku mala petaka. Pengunjung hendaklah berjumpa penghulu terlebih dahulu dan menyatakan tujuannya datang ke kampung tersebut.

1.10.4.2 Pergi ke Sungai

Pengunjung atau orang Jahai sendiri hendaklah memberi isyarat melalui sebutan “Utt-Utt” (dua atau tiga kali) jika hendak ke sungai (tempat mandi) untuk memberitahu kehadiran di situ kerana kebiasaannya orang Asli mandi berbogel.

1.10.4.3 Menegur Ketika Mencari Rezeki

Dilarang sama sekali berpesan kepada orang yang hendak keluar memburu atau menangkap ikan ataupun pemburu tersebut memberitahu orang lain akan tujuannya. Contohnya “kalau dapat ikan, bagilah saya seekor”. Pesanan seperti ini sangat dipantangi oleh orang Jahai atau orang Asli amnya kerana ia dipercayai membawa sial pada dirinya dan punan pada orang yang berpesan. Biasanya orang berkenaan akan membatalkan hasratnya.

1.10.4.4 Isteri yang mengandung

Isteri yang mengandung digalakkan membiasakan diri mengasuh dan mendukung anak kecil orang lain bagi menyesuaikan diri dan anak dalam kandungannya supaya mereka selamat dan selesa semasa bayi dalam kandungan.

1.10.4.5 Menantu dan Mertua

Menantu dan mertua yang berlainan jantina, tidak boleh bertentang mata bila berinteraksi. Mereka hendaklah berinteraksi melalui orang perantaraan.

Masyarakat Jahai juga dilarang menyebut nama mertua kerana ia dianggap “tulah”.

1.10.4.6 Bertandang ke rumah

Seandainya terdapat daun bergantung di hadapan pintu, ini bererti tuan rumah tersebut sedang berpantang. Tetamu tidak dibenarkan naik ke rumah. Tetamu juga dilarang sama sekali naik ke rumah ketika Tok Halaq sedang menjampi pesakit. Semasa berkunjung ke rumah, kita mestilah menjamah walaupun sedikit juadah yang disediakan. Keengganan menjamah makanan seolah-olah menghina mereka dan tetamu dipercayai akan punan. Mereka dilarang membuat perbandingan (menyamakan) makanan dengan binatang contohnya “kuih ini bentuknya macam tupai” atau “kari macam darah”. Jika kata-kata ini yang dilafazkan maka orang Jahai akan membuang makanan tersebut.

1.10.4.7 Berjanji

Setiap janji mesti ditepati dan mereka akan menuntut janji hingga ke akhir hayat kerana dikhuatiri ‘punan’.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Chaer. (1995). *Pengantar Semantik bahasa Indonesia*. Indonesia: Rineka Cipta.
- Abdullah Hassan. (1969). "*Morfologi-Fonologi Bahasa Orang Asli Dialek Temuan*". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan. (1989). *30 Tahun Perancangan Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan. (2007). *Linguistik Am.Selangor*: PTS Profesional.
- Ahmad Mahdzan Ayob. (2007). *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi, Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ajip Rosidi. (2008). *Urang Sunda Jeung Basa Sunda*. Bandung: Kiblat Buku Utama.
- Akta Orang Asli 1954, Undang-Undang Malaysia. Kuala Lumpur: 1974, hlm 6.
- Ajid Che Kob. 1990. Kajian Sociolinguistik Bahasa Melayu: Satu Tinjauan. Dlm. Jurnal Dewan Bahasa. Jil. 34 Bil. 12, hlm. 919-923.
- Albert Gerard Gomes. (1984). *A Social Demography of Jahai Negritos at Rual Post, Kelantan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Amran Kasimin. 1993. *Agama dan Perubahan Sosial di Kalangan Penduduk Asli di Semenanjung Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1977). *Kepelbagaian Fonologi Dialek-Dialek Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Asmah Haji Omar. (1982). *Language and Society in Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1983). *The Malay Peoples of Malaysia and Their Languages*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1998). *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2001). *Kaedah Penyelidikan Bahasa di Lapangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Asmah Haji Omar. (2003). *Language and Language Situation in Southeast Asia: With a Focus on Malaysia*. Universiti Malaya: Akademi Pengajian Melayu.
- Asmah Haji Omar. (2005). *Malay Images*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Asmah Haji Omar. (2006). *Kaedah Penyelidikan Bahasa di Lapangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2008). *Kaedah Penyelidikan Bahasa di Lapangan edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Benjamin G. (2012). *The Aslian Languages of Malaysia and Thailand: An Assesment*. In Stuart McGill & Peter K. Austin (eds) *Language Documentation and Description*, vol 11. London: SOAS. Pp. 136-230
- Bert Vaux, Justin Cooper. (1999). *Introduction to Linguistic Field Methods*. Munich: Lincom Europa. Pp. 196.
- Burrenhult. N., (2002). "*A Grammar of Jahai*". Tesis Doktor Falsafah, Department of Linguistics and Phoenetics. LUND Univesity.
- Campbell, L. dan Muntzel, M.C. (1989). *The Structural Consequences of Language Death*. Dlm. Nancy C. Dorian (pnyt.) *Investigating Obsolescence: Studies in Language Contraction and Death*: 181-196. Cambridge: Cambridge University Press.
- Carey, I. (1976). *Orang Asli: The Aboriginal Tribes of Peninsula Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Chamber, J. K & Truggill P. (1999). *Dialektologi*. Terj. Annur Ayub. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan. Buku 2. Asas Statistik Penyelidikan*. Mc Graw Hill. Kuala Lumpur.
- Collins, James T. (1983). "Dialek Melayu di Kampung Landai Pahang: Menuju Penelitian Tatabahasa di Kalangan Orang Asli. *Dewan Bahasa*. 27(1): 99-118.
- Collins, James T. (1985). *Dialek Melayu di Kampung Landai Pahang: Menuju Penelitian Tatabahasa Melayu di Kalangan Orang Asli* dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* 29 (730-759).

- Collins, James T. (2000). "Kepelbagaian Dialek Melayu Sarawak: Tinjauan di Sungai Saribas dan di Sungai Rejang" dlm. *Jurnal Dewan* 44 (1): 2-17.
- Collins, James T. (2002). *Wibawa Bahasa, Kependidikan dan Kepelbagaian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Cooper, R.L dan Fishman, J. A. *The Study of Language Attitudes*. dlm IJSL, No. 3. Mouton: The Hague.
- Creswell, J. W, (1988) *Qualitative Inquiry and Research Design, Choosing Among Five Traditions*. Thousands Oaks: Sage.
- Crystal, David. (1987). *The Cambridge Encyclopedia of Language*. Cambridge, England: Cambridge University.
- Dalby, Andrew. 2002. *Language in Danger*. London: Penguin Books Ltd.
- Daniel Jones. (1914). *The Pronunciation of English*. Cambridge, UK: Cambridge University
- David Crystal. (2000). *Language Death*. Cambridge, UK : Cambridge University Press.
- David Crystal. (2002). *Mengapakah Bahasa Mati*. (terj.) Azizah Md. Hussin. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. *Jurnal Bahasa*. Jilid 2. Bil. 3 Sept 2002. Hlm. 309-333.
- Denzin, N. K., & Lincoln, Y. S. (Eds.). (1994). *Strategies of Qualitative Research*. London: Sage Publications.
- Diffloth, G. (1976). *Jah Hut, an Austroasiatic Language of Malaysia*. In Nguyen D.L (ed.) *Southeast Asian Linguistic Studies* 2. Pacific Linguistics C-42. Canberra: Australian National University. 73-118.
- Duranti Alessandro. (1997). *Linguistic Anthropology*. Australia: Cambridge University Press.
- Edwards, J. 1992. Sociopolitical aspects of language maintenance and loss: towards a typology of minority language situations. Dlm. Fase, W., Jaspaert, K. dan Kroon, S. (pnyt). *Maintenance and loss of minority languages*, hlm. 37-54. Amsterdam: John Benjamins.
- Er Ah Choy, Zalina Che Mat Ariffin & Joy Jacqueline Pereira, 2010. *Sosioekonomi Masyarakat Orang Asli: Kajian Kes di Hutan Simpan Bukit Lagong, Selangor Malaysia*. *Jurnal Melayu* (5), 295-314.

- Fadzil Mahamud. (2012). Data Pembangunan. Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah. (Atas talian) Muat turun 6 Disember 2016: http://www.rurallink.gov.my/evolution_and_transformation
- Faridah Nazir & Maridah Haji Alias. (2013). *Fonetik dan Fonologi*. Selangor: Penerbit Multimedia Sdn. Bhd.
- Fauziah Mat. (1993). Dialek Jahai: Satu Kajian Fonologi. Latihan Ilmiah. Kuala Lumpur:Universiti Malaya.
- Fishman, J. A. (1972). *Domains and the Relationship between Micro and Macro Sociolinguistic*. Dlm Gumperz, J. J. and Hymes. 1972, *Directions in Sociolinguistic, the Ethnography of Communication*. New York: Holt, Rinehart and Winston, Inc, hlm. 435-454.
- Fishman, J. A. (1991). Sosiologi Bahasa. (terj.). Alias Mohammad Yatim. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Sains Malaysia
- Fontana, A. & Frey J. H. (1994). *The Handbook of Qualitative Research*, disunting oleh N. a. Y. L. Denzin. Thousand Oaks: Sage Publication.
- Fowler F. J. (1998). Design and Evaluation of Survey Question. Dalam Bickman & D. J. Rog (Eds.). *Handbook of Applied Social Research Methods*. Hlm. 343-374. Thusands Oaks, CA: Sage.
- Gardner, R. C. (1982). Language Attitudes and Language Learning. In E. Boudhard Ryan & H. Giles, *Attitudes Towards Language Variation* hlm. 132-147.
- Gay, L., Mills. G. & Airasian, P. (2006). *Educational Research: Competencies for Analysis and Application (8th ed.)*. New York : Prentice Hall.
- Giglioli (1990). *Language and Social Context*. London : Pinguin Books.
- Gorys Keraf. (1984). *Linguistik Bandingan Historis*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia.
- Gumperz, Giglioli ed. (1972). *The Speech Community*. London: Pinguin Books.
- Gumperz. (1986). Domains and “The Relationship Between Micro and Macro Sociolinguistics” dlm. J. J. dan Dell Hymes. (pnyt). *Directions in Sociolinguistics: The Ethnography of Communication*, hlm. 435-453. New York: Basil Backwell.

- Grimes, Barbara. (2002). *Kecenderungan Bahasa untuk Hidup atau Mati Secara Global (Global Language Viability: Sebab, Gejala dan Pemulihan untuk Bahasa-bahasa yang Punah*. Dalam Bambang Kaswanti Purwo (Ed.). PELBBA 15:1-40. Jakarta: Kanisius
- Hale, K. L. (1992). *Endangered Languages*. Language 68 (1): 1-42. Washington: Linguistic Society of America.
- Hamidah Abd. Wahab. (2008). *Etnolinguistik Komuniti Melayu Saribas, Sarawak*. Jurnal Bahasa. Jilid 8. Bil. 2 Disember 2008 hlm 220-241. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hapenus. (2009). *Etnolinguistik Dayak Desa: Zingiberaceae dan Etnik*. Tesis PhD. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hassan Ahmad. (2009). *Bangsa Pupus*. Dewan Bahasa, Jilid 9 Bil. 4, hlm 6-10. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hazlan. (2006). "Penggunaan Bahasa Jawa di Johor" dlm. Jurnal Bahasa. Jilid 14 Bil. 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hood Mohd Salleh, Julai 2006. *Orang Asli: Identiti, Bahasa dan Budaya*. Dlm. Dewan Bahasa (hlm 6-10). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Hudsons R. (1980). *Sociolinguistics* (1st ed.). New York, NY: Cambridge University Press.
- Hudsons R. (1996). *Sociolinguistics* (2nd ed.). New York, NY: Cambridge University Press.
- Hymes, Dell. (1971). *Sociolinguistic and the Etnography of Speaking*. London: Tavistock.
- Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. 2002 (hlm. 69-74). *Kehidupan, Budaya dan Pantang Larang Orang Asli*. Kementerian Pembangunan Luar Bandar.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli. (2011). *Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli 2011-2015*. Kuala Lumpur: JAKOA.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli. (2015). *Orang Jahai*. (Atas Talian) Muat turun 10 September 2015, dari <http://www.jakoa.gov.my>
- Jimin Idris. 1972. *A Brief Note on the Orang Asli of Peninsular Malaysia and Their Administration*. Kuala Lumpur: Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

- John Lyons. (1994). *Bahasa dan Linguistik Suatu Pengenalan*. Terjemahan Ramli Salleh, Toh Kim Hoi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jones, Jason. (1999). *Language and Class*. Dalam Linda Thomas dan Shan Wareing (Eds) *Language, Society and Power*. New York : Routledge.
- Kamal Solhaimi Fadzil. (2016). *Masyarakat pribumi, infrastruktur sosial dan pembangunan terancang di Malaysia: Kajian penglibatan masyarakat Orang Asli di RPS Air Banun, Perak*. *Malaysia Journal of Society and Space* ,12, 88-100.
- Kamus Linguistik. 1997. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Khairul Hisyam Kamarudin dan Ibrahim Ngah. (2007). *Pembangunan Mapan Orang Asli*. Penerbit UTM.
- Kidder, L. H & Judd, C. M. 1986. *Research Methods in Social Relations*. New York: CBS College Publishing.
- Krauss M. (1992). *The World's Languages in Crisis*. Dalam *Language*, Volume 68
- Krejcie, R.V., & Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610. Sage
- Kridalaksana, Harimurti (1983). *Kamus Linguistik*. Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama.
- Kuper & Kuper. 1996. *The Social Science Encyclopedia*. London: Routledge.
- Lauder, Multamia R. M. T. 2004. *Optimalisasi Bahasa Indonesia Berbasis Korpus Linguistik*. Makalah Pertemuan Ilmiah Bahasa dan Sastra Indonesia XXVI. Universitas Muhammadiyah, Poerwokerto 4-5 Oktober.
- Lauder. (2005). *Language Treasures in Indonesia*. In *Words and Worlds: World Language Review*, eds. Clevedon. England
- Lim Chong Hin (2007). *Penyelidikan Pendidikan Pendekatan Kuantitatif dan Kualitatif*. Kuala Lumpur: The McGraw-Hill Companies.
- Malaysia, 1994. Akta Orang Asli 1954 (Akta 134)

- Mallinson, Graham. 1981. *Language Typology: Cross-Linguistic Studies in Syntax*. Amsterdam: North-Holland Publishing Co.
- Media Sandra Kasih. (2000). *Sistem Sapaan dalam Bahasa Minangkabau: Suatu Tinjauan Sociolinguistik*. Disertasi Ijazah Doktor Falsafah. Serdang: UPM.
- Mohd Majid Konting. (1993). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Sharifudin Yusop. (2007). *Keusangan Bahasa Orang Melayu-Proto: Kajian Sociolinguistik Bahasa Terhadap Dialek Duano dan Dialek Kanaq di Johor*. Disertasi Ijazah Doktor Falsafah. Bangi:UKM.
- Mohd Sharifudin Yusop. (2009). *Keusangan Bahasa Orang Asli dan Peribumi Malaysia: Impak Terhadap Bahasa Melayu*. Jurnal Aswara hlm 94-103. Kuala Lumpur: Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan.
- Mohd Sharifudin Yusop. (2009). Pemanfaatan Khazanah Bahasa Orang Asli: Menjelang 145 (1865-2010) Tahun Kajian Bahasa Orang Asli Malaysia. Prosiding Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu ke-5. Serdang: Universiti Putra Malaysia. Hlm. 235-246.
- Mohd Sharifudin Yusop. (2011). *Daftar Kata Melayu-Negrto (Bateq/Jahai/Kensiu/Kentaq/Lanoh/Mendriq)*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA).
- Mohd Sharifudin Yusop. (2013). *Keterancaman Bahasa Orang Asli Duano dan Kanaq*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia
- Morse, J (eds) (1994). *Critical Issues in Qualitative Research Methods*. Thousand Oaks: Sage.
- Nicholas, Collin. (2000). *The Orang Asli and The Contest for Resources: Indigenous Politics, Development and Identity in Peninsular Malaysia*. Copenhagen: International Workgroup for Indigenous Affairs: Subang Jaya, Selangor : Centre for Orang Asli Concerns.
- Nik Hassan Basri Nik Abd. Kadir. (2009). *Teori Bahasa: Implikasinya Terhadap Pengajaran Tatabahasa*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nik Safiah Karim. (1968). *Penyelidikan Bahasa-bahasa Orang Asli Tanah Melayu*. Dewan Bahasa. Jld.XII. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Nik Safiah Karim. (1981). *Beberapa Persoalan Sociolinguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim. (1988). *Sociolinguistik bahasa Melayu dan Pengajaran*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Noor Hashimah Haji Jalaluddin. (1992). *Imperatif dan Interogatif: Satu Definisi Semula*. Dewan Bahasa, 36 (9), 882-891.
- Noriah Mohamed. (1998). *Sociolinguistik Bahasa Melayu dan Pengajaran*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Noriah Mohamed. (1991). *Penggunaan Bahasa dalam Komuniti Melayu Iban di Betong Sarawak: Satu Kajian Etnosociolinguistik*. Disertasi Ijazah Doktor Falsafah: Universiti Malaya.
- Norhisham Osman. (1994). *Kajian Pemilihan Bahasa di Perumahan Ulu Dedap, Seberang Perak*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Noriah Mohamed dan Meriam Abd. Karim. (2005). *Penggunaan Bahasa Melayu Kreol Chetti Melaka: Satu Analisis Domain*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Jurnal Bahasa. Jilid 5. Bil 1 Mac 2005. Hlm 1-50.
- Noriah dan Rohani (2012). *Pengelompokan Leksikostatistik Bahasa-Bahasa Peribumi di Sarawak: Satu Kajian Etnosociolinguistik*. Tesis Phd. Kuala Lumpur. Universiti Malaya
- Othman Lebar. (2009). *Pengenalan Fonetik dan Fonologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Schebesta P. P. (1928). *Grammatical Sketch of the Jahai Dialect*. Cambridge: University Press. Vol. 4 (Issue 4). Hlm. 803-826.
- Nababan P. W. J. (1993). *Sociolinguistik: Suatu Pengantar*. Gramedia.
- Raja Masittah Raja Arifin (2007). *Status Penggunaan Bahasa Melayu di Pulau Kokos, Australia*. Tesis Doktor Falsafah: Universiti Putra Malaysia.
- Ramlee Abdullah. (2008). *Orang Asli dalam Arus Pembangunan Nasional di Terengganu: Isu Transformasi dan Cabaran*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Rohi (2014). *Perkampungan Orang Asli Kampung Sungai Rual dlm Come2Kelantan*.

- Roselina Ahmad Saufi & Syed Azizi Wafa. (2014). Ulasan Literatur: Proses Gabung Jalin Data Kualitatif dan Kuantitatif. Hlm 55-66. Prosiding Seminar Penyelidikan dan Penulisan Ilmiah. Sabah: Universiti Malaysia Sabah
- Rosemery Stevenson. (1998). *Language and Language Development*. New York: Routledge.
- Sabitha Marican. (2005). Kaedah Penyelidikan Sains Sosial. Petaling Jaya: Practice Hall.
- Santrol Abdullah. (2016). Etnolinguistik Bahasa Vaie di Sarawak, Malaysia. Tesis Phd. Serdang, Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Sasse, Hans-Jurgen. (1992). *Language Decay and Contact-Induced Change. Similarities and Difference*. dlm Brenzinger, M (pnyt). *Language Death; Factual and Theoritical Explorations with Special Reference to East Africa*. Berlin and New York: Mouton de Gruyter. Saville - Troike, M. (1982). *The Ethnography of Communication, An Introduction*. Terj. Ajid Che Kob. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Seow Ta Wee, Maryati Mohamed, Mohd Nur Syufaat Jamiran, Zainal Zuhilmi Zainal Abidin, Siti Aminah Mohd Sam. *Pembangunan Sosioekonomi Komuniti Orang Asli di Malaysia*. Persidangan Kebangsaan Geografi & Alam Sekitar Kali Ke-4, UPSI Tanjung Malim : Perak, hlmn, 755-761
- Shairah Abd. Razak. (2007). *Kajian Dermatoglikif Terhadap Populasi Orang Asli Negrito (Suku Etnik Jahai) di Jeli, Kelantan*. Latihan Ilmiah. Fakulti Sains dan Teknologi. UKM Bangi.
- Sibrani, Robert. (2004). *Antropolinguistik: Antropologi Linguistik, Linguistik Antropologi*. Medan: Poda
- Sidek Mohd Noah. (2002). *Reka Bentuk Penyelidikan, Falsafah, Teori dan Praktis*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Skeat, W. W. Blagden, C.O. (1906). *Pagan Races of the Malay Peninsula*. Vol I & II. London: Macmillan and Co.

- Suriyati Subahir. (2007). *Perbandingan Leksikal Bahasa Orang Asli Seletar dan Bahasa Melayu*. Latihan Ilmiah . Kuala Lumpur. UM. Jabatan Linguistik Melayu, Akademi Pengajian Melayu
- Swadesh Morris. (1950). Salish Internal Relationship. *International Journal of American Linguistics*, 16, 157-167.
- Teo Kok Seong. (2007). Sosiolinguistik. Dlm. Zulkifley Hamid, Ramli Md. Salleh & Rahim Aman (Pnyt). *Linguistik Melayu Edisi Kedua*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Teo Kok Seong. (2013). “Bahasa Melayu Bahasa Perpaduan dan Jati Diri” dlm. *Pelita Bahasa*, 40-45.
- Trudgill. (1974). *Sociolinguistics: An Introduction*. Penguin, Harmondsworth.
- Trudgill, P. (2002). *Sociolinguistics Variation and Change*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Vasil, R.K. (1971). *Political in a Plural Society*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Wan Khairulhusna Wan Mokhtar. (2011). *Kelestarian Bahasa Orang Asli Bateq dan Mah Meri Berdasarkan Aspek Fonologi dan Leksikal*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Wan Khairulhusna Wan Mokhtar dan Mohd Sharifudin Yusop. (2011). “Bahasa Suku Bateq dalam Pemerkasaan Bahasa Melayu”. Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu ke-5. Universiti Putra Malaysia. (hlm. 432-437.
- Wardhaugh, R. (1998). *An Introduction To Sociolinguistics*. (3rd. ed.). Massachusetts: Blackwell Publisher Ltd.
- Weber, G. (1991). “Beberapa Catatan tentang Kemerosotan dan Kejatuhan Bahasa” dlm. *Jurnal Bahasa*, 35 (4), 296-310, April.
- Weinreich, Uriel. (1986). *Language Contact: Findings and Problems*. The Hauge: Moutun.
- Yule. (1985). *The Study of Language: An Introduction*. England: Cambridge University Press.
- Yusriadi. (2007). *Dialek Melayu Ulu Kapuas Kalimantan Barat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zaharani Ahmad. (2005). *The Phonology-Morphology Interface in Malay: An Optimality Theoretic Account*. Australia: Pasific Linguistic.

Zainal Abiddin Masleh. (2011). *Kajian Etnolinguistik Terhadap Kelestarian Bahasa Bhuket dan Bahasa Lahanan di Daerah Belaga, Sarawak*. Tesis PhD, Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Zaiton Yazid. (1998). *Fonologi dan Leksikal Bahasa Orang Asli Jahai: Satu Kajian Kes di Perkampungan Pos Sungai Rual Jeli Kelantan*. Universiti Malaya: Akademi Pengajian Melayu.

Zulkifley Ahmad. (2007). *Konsep Bahasa*. Bangi : Penerbit UKM

Zuraidah Mohd Don. (2001). Kelantanese in a New Ethnolinguistic Environment. Dlm *Journal of Sociology Language*. Vol 161, 55-79.